

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"KITA tidak pernah melihat orang lain dengan kaca mata yang buruk kerana itu adalah hak dan pilihan mereka. Kita juga tidak mengharapkan mereka untuk menerima dan mempersetujui kita, tetapi memadailah jika mereka menghormati kita sahaja, sebagaimana kita juga menghormati mereka."
- Titah Sempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Sya'riah, 2013.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlanjur dalam perjalanannya (yang terputus perbelanjaannya) dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An nisa', ayat 36).

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.36

SUBUH
4.46

SYURUK
6.07

DUHA
6.30

ZUHUR
12.18

ASAR
3.37

MAGHRIB
6.26

ISYAK
7.39

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 55

8 MEI 2017 / 1438 شعبان 11

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Acara kemuncak HKK meriah

- Riadah dan Kayuhan Keluarga Harmoni eratkan raja dan rakyat -



كوارن كوفيانغ. نكارا كينغ
هاري كوارن كينسان ٢٠١٧
Keluargaku Penayang, Negara Gemilang
Hari Keluarga Kebangsaan, 2017

RIADAH DAN KAYUHAN KELUARGA HARMONI

Sempena
Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2017
10 Syaaban 1438 / 7 Mei 2017

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat menyertai acara kemuncak Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2017 iaitu Riadah dan Kayuhan Keluarga Harmoni yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit. (Lihat muka 3, 4 dan 5).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Mei. - Suasana di ibu negara sangat meriah apabila semua lapisan masyarakat dan seisi keluarga sama-sama menyertai acara

kemuncak Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2017, iaitu Riadah dan Kayuhan Keluarga Harmoni 2017.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai acara Riadah dan Kayuhan Keluarga Harmoni yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien (SOAS), di ibu negara.

Ke muka 3



Muka 6

KEBAWAH DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap



Muka 6, 7 & 8

BERANGKAT merasmikan Ekspo dan Persidangan Inovasi PMKS, CAEXPO 2017

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan
Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217

Faksimile : 2381004

Layari Laman Web : www.pelita.brunei.gov.bn

Beri saingan dan jangan sia-siakan peluang



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof semasa membacakan teks sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Perpaduan Islam Ke-4 (4th Islamic Solidarity Games), Baku, Azerbaijan 2017, pada 2 Mei 2017, bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkihah.

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu 'Wassalaamu
'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur, ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan taufiq, dan limpah kurnia-Nya jua, kita dapat berhimpun, pada pagi ini, bagi Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam, ke 4th Islamic Solidarity Games 2017 di Baku, Republik of Azerbaijan yang akan diadakan dari 12 hingga 22 Mei 2017.

Selawat dan Salam, ke atas Rasul Junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, sahabat-sahabat, serta pengikut-pengikut Baginda, yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu, saya sukacita ingin merakamkan, ucapan setinggi-tinggi terima kasih, kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di atas sokongan yang diberikan, kepada Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam untuk menghantar satu kontinjen yang mengandungi dua orang atlet dan empat orang pegawai yang akan menyertai dalam dua acara Sukan, iaitu Karatedo dan Olahraga.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada atlet-atlet yang terpilih bagi mewakili negara

dan mengharapkan supaya sentiasa akan memberikan tumpuan yang sepenuhnya dan fokus yang tinggi dalam setiap perlawanan.

Dalam masa yang sama juga, saya ingin menekankan kepada atlet untuk menggunakan kesempatan ini bukan saja dari segi menimba pengalaman, malahan untuk memberikan saingan yang sepenuhnya dalam penyertaan ini, dan janganlah pula peluang yang diberikan ini disalahgunakan ataupun disia-siakan.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada persatuan sukan kebangsaan masing-masing, jurulatih yang berdedikasi, dan terutamanya kepada ibu bapa atlet-atlet kerana memberikan sokongan dan dorongan yang berterusan kepada mereka.

Ingin saya menasihatkan juga kepada semua atlet dan pegawai, bahawa komitmen kepada negara harus mempunyai tanggungjawab serta disiplin yang tinggi semasa berada di Republik of Azerbaijan nanti.

Dengan berbekalkan berkat dan usaha yang bersungguh-sungguh serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, insyaaAllah kita akan meraih kejayaan, dan ini adalah komitmen yang harus dipikul dan ditunaikan oleh para atlet untuk meraih kecemerlangan dan seterusnya mengharumkan nama negara.

Akhirnya, saya berdoa, semoga atlet-atlet, yang akan mewakili negara, ke 4th Islamic Solidarity Games 2017, akan sentiasa sihat walafiat, dan dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bentuk keluarga penyayang bercontohnya Rasulullah

Berita dan Foto : Haji Ariffin
Mohamad Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Mei. - Masjid adalah Rumah Allah, dan sesungguhnya menghadirkan diri beribadah ke masjid serta mendirikan sembahyang secara berjemaah itu mempunyai kelebihan darjat berbanding sembahyang secara perseorangan.

Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' di Masjid Omar 'Ali Saifuddin kelolaan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam dengan kerjasama Masjid Omar 'Ali Saifuddin merupakan satu program mingguan bagi mengalu-alukan jemaah meningkatkan kehadiran bagi memakmurkan masjid dan seterusnya bersama-sama secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah di awal waktu di masjid.

Program berkenaan turut memberikan peluang kepada para pengunjung bersempena

acara Hari Keluarga Kebangsaan 2017 yang bertemakan 'Keluargaku Penyayang Negara Gemilang' dengan memulakan langkah dan keceriaan kepada ahli-ahli keluarga yang datang menjalankan aktiviti dengan meraih keberkatan melalui partisipasi menunaikan tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang dan kegiatan keagamaan yang telah diaturkan.

Seperti lazimnya, program diserikan dengan tazkirah dan kali ini bertajuk 'Keluargaku Penyayang Negara Gemilang' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Imam Awang Haji Jufri bin Haji Hidup.

Ceramah tersebut antaranya menekankan mengenai kepentingan dalam pembentukan keluarga penyayang dengan bercontohnya Junjungan Besar Sallallahu Alaihi Wasallam kerana Rasulullah seorang yang penyayang kepada ahli keluarganya, penyabar, tegas dan berdisiplin serta pemaaf.

Tambah beliau lagi, perkara-perkara yang perlu diketahui untuk melahirkan Keluargaku Penyayang dan Negara Gemilang antaranya ialah sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu

Wata'ala supaya dikurniakan zuriat yang soleh dan cemerlang di samping sentiasa menerapkan akidah Islam yang kukuh dan mantap.

Berangkat bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Hadir sama ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yusof serta Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dilantik bagi zon-zon di Daerah Brunei dan Muara.

Ke muka 10

Dari Sidang
Pengarang.

8 MEI 2017 BERSAMAAN 1438 11 شعبان

EKONOMI DIGITAL BANTU PASARAN 'MADE IN BRUNEI'

KEBANGKITAN ekonomi digital adalah satu cabaran baharu kepada dunia sekarang, di mana perusahaan dalam kerangka ekonomi digital dapat menjanakan nilai tambah dan keuntungan kepada banyak perusahaan dan perniagaan.

Menuju ke arah itu, satu usaha untuk memupuk dan menyokong perusahaan produk tempatan 'Made in Brunei' yang berkualiti tinggi untuk diperkenalkan di dunia global, satu Ekspo dan Persidangan PMKS Kali Pertama dan Pameran Brunei China - ASEAN Exposition (CAEXPO) 2017 yang dianjurkan bersama Jabatan Tenaga dan Perindustrian di JPM, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKED), Darussalam Enterprise (DARE) dan Wilayah Autonomous Guangxi Republik Rakyat China telah berlangsung di Bridex Jerudong selama tiga hari iaitu pada 6 hingga 8 Mei.

Kira-kira 200 petak jualan yang terdiri dari Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan mengambil bahagian dalam mempamerkan produk dan perkhidmatan pasaran 'Made in Brunei' seperti makanan, kedai roti dan farmaseutikal selain disertai oleh sektor ICT, kosmetik, fesyen dan pakaian serta pelbagai perkhidmatan yang disediakan oleh PMKS tempatan. Ini termasuklah 31 petak jualan dari Majlis Perundingan Kampung (MPK) di keempat-empat daerah yang mempamerkan Satu Kampung Satu Produk mereka dan juga beberapa syarikat dari Republik Rakyat China, Indonesia, Singapura, Viet Nam, Sabah dan Sarawak.

Inisiatif tersebut bertujuan bagi mengurangkan halangan kemasukan bagi perusahaan mikro dan kecil tempatan untuk menjual dan mencapai sasaran pelanggan dalam pasaran yang lebih luas di samping untuk meningkatkan pendapatan jualan produk buatan tempatan bagi pertumbuhan eksport PMKS.

Kini tidak dinafikan bahawa PMKS memainkan peranan yang penting dalam ekonomi dunia ketika ini yang mana sumbangan daripada PMKS mampu untuk membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, khususnya negara-negara membangun di dunia, tidak terkecuali negara kita Brunei Darussalam.

Selain dari mempamerkan dan menjual produk-produk masing-masing, para PMKS juga telah berpeluang menyertai Persidangan PMKS Kali Pertama yang memfokuskan kepada ekonomi digital. Mereka telah didedahkan dengan apa, dan bagaimana cara untuk mengambil bahagian di dalam ekonomi digital bagi mempertingkatkan lagi perusahaan mereka.

Dengan yang demikian peranan penting PMKS kepada pembangunan dan ekonomi negara termasuk Negara Brunei Darussalam tidak dapat dinafikan di mana bagi menjana aspirasi mempelbagaikan ekonomi negara, ia memerlukan PMKS tempatan bukan sahaja bersedia untuk bersaing tetapi juga berani untuk menerokai pasaran global.

Negara Brunei Darussalam memang telah diakui mempunyai kriteria-kriteria yang menarik bagi pelabur asing sebagai destinasi pelaburan pilihan di rantau ini. Dengan itu, perjalanan ke arah kejayaan bagi usahawan baru bukannya mudah tetapi ia penuh dengan pelbagai cabaran serta memerlukan kecekalan dan ketabahan untuk menghadapinya supaya mampu menempah kejayaan.

Dalam hal ini, ekonomi digital telah dikenal pasti memainkan peranan yang penting dan utama bagi hala tuju dunia khususnya dunia perniagaan dan ekonomi dalam tempoh masa 10 hingga 20 tahun akan datang. Kerana jika dilihat pada masa ini, kepentingan ekonomi digital tidak dapat disangkal lagi dalam dunia tanpa sempadan, ianya akan terus memainkan peranan yang penting dalam perusahaan dan perniagaan dan tidak terkecuali untuk PMKS di negara ini.

InsyaaAllah kejayaan bagi pasaran produk 'Made in Brunei' akan dapat dicapai dengan adanya pelancaran laman sesawang 'BusinessBN' dan 'Made in Brunei' yang disempurnakan oleh DTYM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di ekspo tersebut yang menyediakan keseluruhan perkhidmatan dan maklumat terkini berhubung perniagaan masyarakat tempatan dan antarabangsa yang tentunya akan menjadi perangsang pertumbuhan ekonomi negara. - **Ketua Penyuntingan (Zs).**

Ramalan Cuaca 3 Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
32°C	25°C	32°C
MUARA		
32°C	25°C	32°C
PEKAN BANDAR		
32°C	24°C	32°C
DAERAH TUTONG		
32°C	25°C	31°C
PEKAN SERIA		
32°C	25°C	33°C
KUALA BELAIT		
32°C	25°C	32°C



WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

Masihi MEI	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	ISNIN	11	4 . 36	4 . 46	6 . 07	6 . 30	12 . 18	3 . 37	6 . 26	7 . 39
9	SELASA	12	4 . 36	4 . 46	6 . 07	6 . 30	12 . 18	3 . 38	6 . 26	7 . 39
10	RABU	13	4 . 36	4 . 46	6 . 07	6 . 30	12 . 18	3 . 38	6 . 26	7 . 39
11	KHAMIS	14	4 . 35	4 . 45	6 . 07	6 . 30	12 . 18	3 . 38	6 . 26	7 . 39
12	JUMAAT	15	4 . 35	4 . 45	6 . 07	6 . 30	12 . 18	3 . 38	6 . 27	7 . 40
13	SABTU	16	4 . 35	4 . 45	6 . 07	6 . 30	12 . 18	3 . 39	6 . 27	7 . 40
14	AHAD	17	4 . 35	4 . 45	6 . 06	6 . 30	12 . 18	3 . 39	6 . 27	7 . 40

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

 TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Acara kemuncak HKK meriah

- Riadah dan Kayuhan Keluarga Harmoni eratkan raja dan rakyat -



Oleh : Aimi Sani, Malinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dari muka 1

Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri

Ameerah Wardatul Bolkiah.

Keberangkatan baginda dan kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda ketika melintasi salah sebuah bangunan ikonik, Bangunan Alat Kebesaran Diraja.

Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Terdahulu, acara kayuhan sejauh 12 kilometer dimulakan dengan pelepasan sebanyak 20 belon oleh peserta kanak-kanak.

Kayuhan turut disertai oleh Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Duta-Duta serta perwakilan negara asing, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, para jemputan dan orang ramai termasuk warga asing.

Kayuhan melalui jalan-jalan utama, iaitu Jalan Pretty; Jalan Elizabeth Dua; Jalan Masjid

Omar 'Ali Saifuddien; Jalan Kianggeh; Jalan Sekolah; Jalan Kumbang Pasang; Jalan Lapangan Terbang Lama; Jalan Muhibbah; Jalan Landasan Lama; Jalan Menteri Besar; Jalan Perdana Menteri; Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien melimpasi beberapa buah bangunan ikonik seperti Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien; Dermaga; Bangunan Lapau; Pusat Belia; Bangunan Jabatan Perdana Menteri; Bangunan Alat Kebesaran Diraja dan Bangunan Sekteriat.

Ke muka 4



ANTARA yang ikut serta dalam memeriahkan suasana Riadah dan Kayuhan Keluarga Harmoni sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2017 di sekitar kawasan Bandar Seri Begawan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mencuba basikal yang dipersembahkan kepada baginda (kiri) manakala gambar kanan, baginda dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berbasikal melintasi Masjid Omar 'Ali Saifuddin bagi Riadah dan Kayuhan Keluarga Harmoni sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2017.

Dari muka 3

Kebawah DYMM berserta kerabat diraja kemudiannya berkenan menyaksikan perbarisan lintas lalu daripada ahli-ahli keluarga yang terdiri daripada cucu,

anak, ibu bapa dan nenek berbasikal sebelum dijunjung berangkat menandatangani papan penghargaan / terima kasih.

Selepas berbasikal, baginda berkenan berangkat bercemar duli menyaksikan lebih dekat kemeriahan Riadah Keluarga di Bandarku Ceria dengan

berbagai jenis aktiviti mengikut kluster seperti kesukanan, keagamaan, keusahawanan, kemasyarakatan dan kewangan dan seterusnya berkenan menyertai Perlawanan Tarik Kalat bersama Ahli-ahli Persatuan Tarik Kalat Brunei Darussalam.

Baginda bersama kerabat diraja

kemudian berkenan berangkat melawat petak-petak jualan Bandarku Ceria yang berada di sekitar Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Ke muka 5



BAGINDA bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berbasikal melintasi kawasan jabatan-jabatan kerajaan di Lapangan Terbang Lama Berakas (atas), sementara gambar bawah kanan dan kiri, orang ramai daripada pelbagai peringkat masyarakat di negara ini gembira menyertai Riadah Kayuhan Keluarga Harmoni sempena Sambutan HKK 2017.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan ikut serta dalam Perlawanan Tarik Kalat bersempena Hari Keluarga yang diadakan di sekitar kawasan Bandar Seri Begawan (kiri), sementara gambar kanan, gembira... merakamkan swafoto keluarga bersama baginda.

Dari muka 4

Kluster Kesukanan terdiri daripada Demonstrasi Sukan Tarik Kalat, Lumba Perahu, Lumba Basikal dan Pertunjukan Seni Mempertahankan Diri (Martial Arts).

Persatuan Tarik Kalat Brunei Darussalam turut memperlihatkan gambar-gambar penglibatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Al-Marhum Ayahanda baginda dalam sukan Tarik Kalat pada tahun 70-an termasuk piala-piala kejohanan yang telah dijalankan oleh persatuan tersebut.

Manakala bagi Persatuan Lumba Perahu Brunei Darussalam menunjukkan gambar-gambar yang berkaitan dengan sukan Lumba Perahu, pameran kelengkapan berkayuh dahulu dan sekarang, pengayuh, jaket keselamatan dan perahu lumba serta demonstrasi berkayuh dalam perahu dan kecergasan (*fitness*).

Persekutuan Basikal Brunei Darussalam pula memperlihatkan gambar-gambar yang berkaitan dengan sukan Lumba Basikal, pameran kelengkapan berbasikal yang terdiri daripada tujuh buah basikal pertandingan dan mengadakan pertandingan *push bike*.

Sementara itu, Skim Seni Mempertahankan Diri (Martial Arts) juga membuat Pertunjukan Seni Bela Mempertahankan Diri yang terdiri

daripada sukan-sukan Wushu, Pencak Silat, Karatedo, Taekwando dan Kempo.

Selain itu, acara-acara kekeluargaan yang berbentuk *telematch* seperti meniup belon, menarik daun nipah, peraduan boling kelapa juga diadakan yang diunkayahkan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung mengikut zon-zon di Daerah Brunei Muara.

Pertunjukan-pertunjukan seperti Pertunjukan Burung Helang dan Kakak Tua serta Pertandingan Suara Burung juga turut memeriahkan lagi keceriaan Riadah dan Kayuhan Keluarga Harmoni di Bandarku Ceria.

Para peniaga-peniaga kecil dan sederhana yang sudah seperti biasanya berniaga di Bandarku Ceria memang setentunya tidak melepaskan peluang berjaja pada hari tersebut begitu juga agensi-agensi swasta seperti Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) juga turut serta mempromosikan produk-produk kekeluargaan.

Riadah dan Kayuhan Keluarga Kebangsaan 2017 merupakan acara yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan dengan penglibatan semua kementerian lain serta Persekutuan Basikal Brunei Darussalam.

Kejayaannya mencerminkan bagaimana pendekatan keseluruhan negara yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat termasuk pihak bukan kerajaan atau NGOs adalah sangat berkesan, apatah lagi jika diguna pakai dalam memajukan



program-program pembangunan negara.

Acara ini menggabungkan aspek gaya hidup sihat dan rekreasi di mana penglibatan aktif dan

penghayatan budaya sukan oleh setiap ahli keluarga akan mewujudkan masyarakat yang sihat dan memupuk perpaduan negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama peserta persembahan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani papan penghargaan / terima kasih (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan ringkas ketika berkenan berangkat melawat pameran yang turut diadakan sempena Bandarku Ceria.



Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap



Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Hamzah Mohidin

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap secara berasingan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Madam Noriko Iki (kiri) dan isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam, Madam Chea Danyla (kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap secara berasingan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke

Negara Brunei Darussalam dan isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam.

Mula-mula Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Puan

Yang Terutama Madam Noriko Iki.

Puan Yang Terutama telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 13 September 2014.

Sebelum ini, Puan Yang Terutama pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah di Biro Buruh Tokyo, Kementerian Kesihatan, Buruh dan Kebajikan, Jepun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudiannya berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam, Madam Chea Danyla.

Kedua-dua Majlis Mengadap itu berlangsung di Istana Nurul Iman.

Berangkat merasmikan Ekspo dan Persidangan Inovasi PMKS, CAEXPO 2017



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan merasmikan Ekspo dan Persidangan Inovasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Kali Pertama dan Pameran Brunei China - ASEAN Exposition (CAEXPO) 2017.

JERUDONG, Sabtu, 6 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri

Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Ekspo dan Persidangan Inovasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Kali Pertama dan Pameran Brunei China - ASEAN Exposition (CAEXPO) 2017.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Dewan Bridex, Jerudong, di sini, dijunjung oleh Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

DYTM seterusnya mengurniakan sabda perasmian Ekspo dan Persidangan PMKS Kali Pertama dan Pameran Brunei China - ASEAN Exposition (CAEXPO) 2017 yang dianjurkan bersama Jabatan Tenaga dan Perindustrian di JPM, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKED), Darussalam Enterprise (DARE) dan



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mendengarkan sembah taklimat ringkas mengenai produk-produk Brunei Unexpected Treasures.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Wilayah Autonomous Guangxi Republik Rakyat China.

Sejurus perasmian itu, DYTM berkenan melancarkan laman sesawang BusinessBN dan Made in Brunei, yang mana portal ini menyediakan keseluruhan

perkhidmatan dan maklumat terkini kerajaan yang menghubungkan perniagaan masyarakat tempatan dan antarabangsa juga bakal usahawan dalam menjalankan perniagaan di negara ini.

Ke muka 7



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa berkenan melawat salah sebuah syarikat tempatan yang menghasilkan produk madu lebah (atas), sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima sembah taklimat dari salah sebuah syarikat yang menghasilkan produk kopi.

DULI Yang Teramat Mulia berkenan melawat ke salah sebuah syarikat yang mempamerkan produk-produk dari negara Republik Rakyat China (kanan).

Dari muka 6

Inisiatif Made in Brunei yang dilaksanakan oleh DARE adalah untuk memberi kesedaran dalam dan luar negara, di mana negara ini juga mampu menghasilkan produk-produk yang berkualiti tinggi.

DYTM seterusnya dijunjung dan berkenan menyaksikan Ekspo dan Persidangan Inovasi PMKS Kali Pertama dan Pameran Brunei China - ASEAN Exposition (CAEXPO) 2017 di Dewan 1 dan Dewan 2 Bridex sebelum berangkat meninggalkan majlis.

Kira-kira 200 petak jualan yang terdiri dari PMKS tempatan mengambil bahagian dalam mempamerkan produk dan perkhidmatan pasaran Made in Brunei mereka seperti makanan, kedai roti dan farmaseutikal selain disertai oleh sektor ICT, kosmetik, fesyen dan

pakaian serta pelbagai perkhidmatan yang disediakan oleh PMKS tempatan.

Ini termasuklah 31 petak jualan dari Majlis Perundingan Kampung (MPK) di keempat-empat daerah yang mempamerkan Satu Kampung Satu Produk mereka dan juga beberapa syarikat dari Sabah, Sarawak, Viet Nam, Indonesia dan juga China.

Ekspo yang julung-julung kalinya diadakan tersebut turut menyediakan platform untuk PMKS tempatan dalam mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka, di samping memberi peluang mereka untuk berkembang melalui strategi pemasaran dan pembungkusan yang terbaik dalam mempamerkan produk supaya pengguna dan pembeli akan memilih untuk menyokong produk tempatan.

Ke muka 8



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mendengarkan sembah taklimat ringkas dan melawat salah satu pameran yang menghasilkan produk-produk tempatan seperti telur hasil ternakan ayam (kiri) dan makanan dalam tin (atas).

Dari muka 7

Pasaran Made in Brunei juga memberi peluang kepada bakal pelabur dan pengedar yang menghadiri pameran tersebut untuk bertemu rakan-rakan perniagaan yang lain dan membantu syarikat tempatan berkembang dan meningkatkan lagi potensi eksport ke luar negara.

Ekspo berkenaan dibuka bagi kunjungan orang ramai selama tiga hari bermula 6 hingga 8 Mei 2017 bermula 10.30 pagi hingga 10.00 malam.

Sebarang keterangan lanjut mengenai Pasaran Made in Brunei bolehlah melayari laman sesawang di www.mibf.gov.bn atau instagram: @eidpmo atau menghubungi terus talian +673 2384488 sambungan 1050.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar ramai bersama para pegawai dari Kementerian Pembangunan Industri Negeri Sabah, Malaysia dan para pengusaha negeri tersebut yang menyertai Ekspo berkenaan (kanan).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pelbagai produk beberapa buah syarikat dari Republik Rakyat China di Pameran Brunei China - ASEAN Exposition (CAEXPO) 2017 (bawah).



DYTM semasa berkenan melawat ke salah sebuah pameran produk makanan yang diusahakan oleh PMKS tempatan (kanan). Sementara gambar bawah kiri dan kanan, DYTM ketika berkenan menyaksikan pelbagai pameran yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha tempatan pada ekspo berkenaan.



Berangkat ke Majlis Penyampaian Lencana PPPBD 2017



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan menyempurnakan pengurniaan Kad Waran dan Kad Pra-Waran (kiri), sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan Lencana Keahlian Tenderfoot kepada Ahli Pandu Puteri pada Majlis Penyampaian Lencana Keahlian (Tenderfoot), Kad Waran dan Pra-Waran Senegara PPPBD Tahun 2017.

**Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad**

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan berangkat ke Majlis Penyampaian Lencana Keahlian (Tenderfoot), Kad Waran dan Pra-Waran Senegara PPPBD Tahun 2017.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah di Dewan Serbaguna, Sekolah Rendah Pusu Ulak, di sini, dijunjung oleh Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah

Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abd. Ghani.

Selepas itu diikuti dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan', Lagu Dunia Pandu Puteri serta Lagu Rantau Asia Pasifik.

Dayang Hajah Hajah Siti Hafsa dalam sembah alu-aluannya menyatakan, keahlian PPPBD pada tahun ini menurun 20 peratus disebabkan hanya tiga buah sekolah rendah mengambil ahli baharu, manakala yang bergiat aktif menjalankan aktiviti-aktiviti kepanduan pula hanya lapan buah sekolah rendah di seluruh negara.

Bagi maktab, pusat tingkatan enam dan sekolah menengah jelasnya meningkat hingga 50 ahli, yang mana setiap sekolah berkenaan

menunjukkan bahawa peringkat belia keahlian PPPBD sangat menggalakkan.

Majlis itu diteruskan dengan Persetiaan Pandu Puteri (PP) yang diketuai oleh Setiausaha Peralatan PPPBD, Dayang Nurul Wafaa binti Awang Mohammad diikuti dengan Persetiaan Pandu Puteri Tunas (PPT) yang diketuai oleh Setiausaha Pendaftaran PPPBD, Dayang Siti Zubaidah binti Haji Nur Hisham.

Yang Teramat Mulia kemudian berkenan menyempurnakan Kad Waran, Pra-Waran juga Lencana Keahlian Tenderfoot kepada ahli-ahli persatuan sebelum berangkat meninggalkan majlis.

Seramai 149 ahli PP dari maktab, pusat tingkatan enam dan sekolah menengah, sementara 33 ahli PPT (Brownie) menerima Lencana Keahlian Tenderfoot masing-masing.

Lencana keahlian adalah syarat utama bagi membolehkan para ahli persatuan menyertai kegiatan PPPBD dan kegiatan yang dianjurkan oleh persatuan tersebut dan Pengakap Puteri Sedunia (World Association of Girl Guides and

Girl Scouts - WAGGS) dan seterusnya menyelesaikan program-program pendidikan masing-masing.

Seterusnya, kad waran dan pra-waran pula adalah syarat utama bagi membolehkan setiap pemimpin PPPBD untuk mengendalikan pelbagai kegiatan kepanduan untuk para ahli unit atau pek masing-masing dengan bimbingan bagi para penerima kad pra-waran sehingga penerima itu dinilai boleh bergerak secara sendiri untuk menerima kad waran.

Kegiatan itu adalah sebagai pengiktirafan kepada para ahli persatuan yang baharu. Sebelum menerima keahlian tersebut, setiap ahli baharu telah mendaftar sebagai ahli PPPBD selama tiga bulan dan bergiat aktif dalam kegiatan-kegiatan kepanduan yang diadakan pasukan masing-masing.

Selain itu, mereka juga memahami asas-asas kepanduan termasuk persetiaan, undang-undang PP dan Lagu Dunia.

Setakat ini keahlian PPPBD adalah seramai 1,800 ahli dari peringkat kanak-kanak perempuan sehingga wanita dewasa.



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan bergambar ramai bersama-sama Ahli-ahli PPPBD pada Majlis Penyampaian Lencana Keahlian (Tenderfoot), Kad Waran dan Pra-Waran Senegara PPPBD Tahun 2017 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Rendah Pusu Ulak di ibu negara.



TAZKIRAH bertajuk 'Keluargaku Penyayang Negara Gemilang' disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Imam Haji Jufri bin Haji Hidup.

Dari muka 2

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut sama menyerikan program ini ialah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia dan Unit Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kehadiran jemaah memakmurkan rumah Allah diharapkan akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa kekeluargaan dan persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

Makmurnya masjid-masjid di negara ini, adalah antara landasan bagi menggandakan amal kebajikan dan meraih keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala bagi diri kita, keluarga dan juga negara.

Ceramah Perdana bagi Pengukuhan Institusi Keluarga



MAJLIS Perhimpunan Keluarga dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan Doa Hari Keluarga yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Abdullah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Mei. - Dalam memberikan kefahaman dan kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya kesejahteraan dalam keluarga, satu Ceramah Perdana Pengukuhan Institusi Keluarga sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK)

Kali Ke-6 Tahun 2017 diadakan di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Ceramah Perdana tersebut disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin

Juned dengan membawakan tajuk 'Keluargaku Penyayang Pemangkin Kebahagiaan'.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Apong; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Dato Paduka Haji Othman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yusoff berserta isteri masing-masing.

Ceramah Perdana antara lain bertujuan untuk memberikan kefahaman dan kesedaran akan kepentingan kesejahteraan dalam keluarga dengan cara mengamalkan hidup yang berdisiplin, bertamadun, dan mengikut lunas-lunas yang diajarkan oleh agama kerana pengukuhan institusi keluarga ini sangat bergantung kepada beberapa faktor terutamanya penghayatan kepada agama yang tinggi.

Penghayatan yang tinggi ini akan memastikan keluarga tersebut berada di landasan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala manakala, penghayatan dan amalan agama yang konsisten pula akan menjamin

keselamatan dan kestabilan institusi keluarga.

Justeru, setiap ahli keluarga akan memperoleh perasaan aman dan tenteram yang pastinya akan mewujudkan keharmonian dalam keluarga itu sendiri serta akan melahirkan masyarakat yang berkualiti dan negara yang harmoni, kukuh dan cemerlang.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Hari Keluarga yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid RPN Kampung Mentiri, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Abdullah diikuti dengan tayangan dua buah video promo sempena HKK 2017 yang bertajuk 'Kalau Sayang Kenapa Pukul' dan 'Keluargaku Penyayang Negara Gemilang'.

Turut hadir, pegawai dan kakitangan kerajaan, Persatuan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGOs), para belia, penuntut-penuntut institusi pusat pengajian tinggi, Pelatih-pelatih Pusat Pembangunan Belia, pasukan beruniform dan orang awam bersama ahli keluarga masing-masing.

PMKS digalakkan ceburi ekonomi digital



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Mei. - Ekspo Pengusaha-Pengusaha Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan Persidangan Inovasi Kali Pertama dan Pameran Brunei China - ASEAN

Oleh : Hajah Zabaidah Haji Salat, Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Exposition (CAEXPO) 2017 yang telah bermula kelmarin telah menampilkan berbagai-bagai produk daripada PMKS tempatan di samping PMKS luar negara yang turut sama menentengahkan produk mereka pada ekspo berkenaan.

Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa ditemu bual media pada ekspo berkenaan antara lain menjelaskan bahawa sambutan daripada syarikat-syarikat PMKS Brunei amatlah menggalakkan pada ekspo yang bertemakan Pesta Pasaran Buatan Brunei.

Jelas Yang Berhormat Menteri Tenaga dan Perindustrian di JPM, Ekspo dan Persidangan Inovasi PMKS Kali Pertama tersebut telah disertai oleh kira-kira 200 buah syarikat PMKS tempatan dan disertai juga oleh 70 syarikat dari China, 20 syarikat dari Sabah, lima dari Sarawak, manakala masing-masing satu dari Viet Nam dan Singapura.

Sempena dengan ekspo dan persidangan tersebut, Yang Berhormat

menyarankan agar PMKS mustahak supaya sama-sama bekecimpung dalam ekonomi digital sebagaimana yang terkandung dan Persidangan Inovasi Kali Pertama sempena ekspo tersebut.

Dengan memahami ekonomi digital dan tahu bagaimana caranya untuk mengambil bahagian di dalam ekonomi digital, tegas Yang Berhormat, para PMKS akan dapat meningkatkan perusahaan dan perniagaan mereka.

"Jika dilihat dari segi ekonomi, mustahak masa akan datang PMKS akan dapat menjurus ekonomi dalam ekonomi digital dan kebanyakan perniagaan berkisar dalam penyertaan PMKS di dalam e-Perdagangan," tegas Yang Berhormat.

Bagi tujuan itu jelas Yang Berhormat, Darussalam Enterprise (DARE) pada tahun ini merancang akan melatih kira-kira 1,000 orang PMKS di dalam bidang e-Perdagangan.

Yang Berhormat berharap agar PMKS meneruskan perjuangan bagi sama-sama membina persekitaran eko-sistem perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat seterusnya memberi keyakinan kepada PMKS bahawa kerajaan akan sentiasa memperbaiki persekitaran perniagaan melalui *ease of doing business*, di samping sentiasa memberikan dorongan dan bimbingan dan *capacity building* kepada PMKS.

Dengan yang demikian tegas Yang Berhormat, para PMKS perlu sentiasa memperbaiki perusahaan mereka dan mengambil peluang ekspo selama 3 hari untuk menaikkan dan mempertingkatkan lagi usaha-usaha mereka.

Sementara itu, Yang Berhormat turut menekankan tiga manfaat yang boleh diperolehi oleh PMKS Brunei daripada ekspo berkenaan iaitu, pertama PMKS tempatan dapat menampilkan produk-produk mereka. Dengan penyertaan PMKS dari luar negeri dapat memberikan mereka network, yang sangat mustahak bagi pemasaran mereka di luar negara.

Manakala perkara kedua, jelas Yang Berhormat para PMKS mengetahui sukat-sukat produk mereka di mana menerusi ekspo berkenaan mereka akan melihat juga PMKS yang lain ataupun peserta-peserta luar negeri yang turut menampilkan produk-produk mereka yang mana akan menjadi salah satu cabaran dan saingan mereka pada masa akan datang.

Justeru itu, tambah Yang Berhormat

apabila mereka dapat melihat sukat-sukat di mana produk mereka berada dan apa yang boleh diperbaiki untuk mereka memasarkan produk tersebut di pasaran antarabangsa.

Harapan kerajaan jelas Yang Berhormat, adalah supaya PMKS dapat menjadi *contributor* kepada pertumbuhan KDNK negara pada masa ini kerana ia sangat mustahak dari segi ekonomi dan juga bagi menjana pekerjaan. Banyak *start up* atau PMKS yang bekecimpung dalam ekspo dan pameran tersebut telahpun memberi pekerjaan di antara tiga atau empat orang tempatan di syarikat mereka.

Menurut Yang Berhormat lagi, ada perusahaan sederhana yang telah pun lama bekecimpung telah menjana pekerjaan dari 50 hingga 60 orang. Oleh yang demikian, PMKS bukan sahaja dilihat dari segi kedudukan mereka sebagai organisasi untuk berniaga tetapi juga kepentingan sumbangan mereka terhadap ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Ekspo dan persidangan tersebut dianjurkan bersama oleh Jabatan Tenaga dan Perindustrian di JPM, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKED), Darussalam Enterprise (DARE) dan Wilayah Autonomous Guangxi Republik Rakyat China.

Brunei - Arab Saudi terokai kerjasama pelbagai bidang

**Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri**

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Mei. - Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menerima kunjungan muhibah Menteri Tenaga, Industri dan Sumber Mineral dari Kerajaan Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Khalid Al-Falih.

Kunjungan tersebut adalah bagi memperkukuhkan lagi hubungan erat dan persaudaraan serta kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Arab Saudi berikutan lawatan rasmi oleh Kebawah Duli Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud, Raja Arab Saudi dan Penjaga Dua Masjid Suci ke Brunei Darussalam pada awal bulan Mac 2017.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud telah menekankan

kepentingan mengukuhkan kerjasama dua hala dalam beberapa bidang yang menjadi kepentingan bersama termasuk bidang tenaga, pelaburan dan ekonomi.

Kunjungan TYT Khalid Al-Falih ke negara ini adalah tepat pada masanya mengikut arahan kedua-dua pemimpin, di mana kedua buah negara berpeluang meneroka kerjasama dua hala dan peluang-peluang ekonomi.

Dalam perjumpaan dua hala tersebut, kedua-dua menteri tersebut membincangkan pelan kepelbagaian ekonomi kedua buah negara yang mempunyai beberapa peluang untuk diterokai dan bekerjasama dalam bidang yang berpotensi bagi kepentingan bersama termasuk bekalan minyak mentah dari Arab Saudi untuk membangunkan sektor hiliran petrokimia yang semakin meningkat di Negara Brunei Darussalam dan potensi pelaburan oleh syarikat-syarikat dari Arab Saudi dalam projek ammonia dan urea Brunei Darussalam serta projek-projek lain yang menarik.

Tuan Yang Terutama juga menjemput para pegawai Brunei Darussalam untuk belajar dari pengalaman industri minyak dan gas di Arab Saudi.

Selain itu, kedua menteri juga membincangkan potensi untuk melanjutkan Deklarasi Kerjasama OPEC / Bukan OPEC yang sedia ada dan telah ditandatangani pada Disember 2016 yang turut menetapkan pelarasan pengeluaran minyak mentah dari negara-negara yang mengambil bahagian, termasuk Brunei.

Negara Brunei Darussalam dan Arab Saudi, selama enam bulan bermula Julai 2017 hingga Disember 2017 mempunyai objektif utama untuk menstabilkan dan pengimbangan semula harga minyak.

Yang Berhormat Pehin juga turut memaklumkan kepada TYT bahawa negara ini tidak mempunyai bantahan dan bersetuju dengan lanjutan tersebut.

Pada waktu yang sama, TYT juga penuh berharap agar negara-negara lain yang menyertai akan menyusul kemudian.

Semasa berada di negara ini, TYT juga berpeluang melawat Bangunan



MENTERI Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar (kanan) dan Menteri Tenaga, Industri dan Sumber Mineral dari Kerajaan Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Khalid Al-Falih semasa melawat Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja.

Alat-Alat Kebesaran Diraja dan menghadiri jamuan tengah hari yang dihoskan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga dan Perindustrian sebelum berangkat meninggalkan negara ini.

Majlis Kesyukuran mulakan HKK 2017

DAERAH BELAIT

SERIA, Sabtu, 6 Mei. - Hari Keluarga Kebangsaan diadakan bagi

meningkatkan pemahaman mengenai kepentingan agama dalam kehidupan

berkeluarga dengan mewujudkan kasih sayang, persefahaman, bantu-



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat (empat, kiri) selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2017 Masihi bagi Daerah Belait.

DAERAH TEMBURONG

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

TEMBURONG, Sabtu, 6 Mei. - Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2017 juga diadakan di Daerah Temburong dengan tumpuan acara keagamaan berlangsung di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof. Juga hadir Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu berserta pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh

Imam Masjid RPN Kampung Rataie, Awang Haji Said Ahmad bin Haji Aliamat @ Aliahmad, yang juga mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat serta mengepalai bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil. Manakala bacaan Doa Kesyukuran sempena HKK dibacakan oleh Awang Elde bin Haji Suhaili. Sementara itu, Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah turut diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong, Imam Masjid RPN Kampung Rataie.

Matlamat sambutan antara lain dihasratkan untuk meningkatkan pemahaman mengenai kepentingan agama, meningkatkan kualiti dalam kehidupan berkeluarga, di samping mewujudkan kasih sayang, persefahaman, bantu-membantu dan saling hormat-menghormati.

Sambutan ini juga menggalakkan

membantu dan saling hormat-menghormati.

Di samping itu, ia juga untuk menggalakkan masyarakat khususnya keluarga di Negara Brunei Darussalam untuk membina keluarga bahagia dan harmoni serta menggalakkan setiap ahli keluarga meluangkan masa yang berkualiti bersama keluarga.

Sehubungan itu, Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2017 Masihi bagi Daerah Belait telah diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat selaku tetamu kehormat.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Mulia Awang Julazni bin Haji Zaini, Penolong Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid RPN Kampung Pandan,

Kuala Belait.

Bagi memberkati Majlis Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Tahun 2017 yang akan disambut esok, Doa Kesyukuran Khas juga dibacakan oleh Yang Mulia Awang Julazni bin Haji Zaini, Penolong Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait diselajurkan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ahli Mesyuarat Negara Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, Penghulu Mukim Liang dan Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman, pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan dan juga orang ramai di Daerah Belait.

Acara kemuncak Hari Keluarga Kebangsaan 2017 ialah 'Kayuhan dan Riadah Keluarga Harmoni' yang akan diadakan esok pagi hari Ahad, 7 Mei 2017 bertempat di Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof (tiga, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2017 di Daerah Temburong.

masyarakat khususnya institusi keluarga di negara ini untuk membina keluarga yang bahagia dan harmoni serta menggalakkan setiap ahli keluarga meluangkan masa berkualiti bersama keluarga.

Sambutan HKK 2017 tahun ini diraikan pada 7 Mei, membawa tema

'Keluargaku Penyayang, Negara Gemilang' yang membawa makna mengenai kepentingan mempunyai keluarga penyayang, bersatu padu, memeduli di antara satu sama lain, saling menghormati, berkomunikasi dengan baik serta memikul tanggungjawab bersama demi menjamin

masa depan keluarga, masyarakat dan negara.

Fokus sambutan tahun ini adalah untuk meningkatkan kesedaran pentingnya rasa kasih sayang di antara ahli keluarga untuk menjana kebahagiaan dan keharmonian keluarga dan rumah tangga.

Majlis Kesyukuran mulakan HKK 2017

DAERAH BRUNEI DAN MUARA



Oleh : Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi,
Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi (empat, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2017 bagi Daerah Brunei yang berlangsung di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut.

Atur Cara Majlis Kesyukuran diteruskan dengan Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Khairul Nizam bin Haji Mohd Said diikuti dengan Doa Kesyukuran sempena Sambutan HKK 2017 bagi memohon keberkatan yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara, Awang Jamil bin Haji Abdul Ghani.

Majlis Kesyukuran yang turut diadakan di ketiga daerah yang lain juga diselenggarakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Khairul Nizam bin Haji Mohd. Said.

Turut hadir menyertai masyarakat di kawasan ini ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Roslan bin Haji Taja'ah; Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Maslina binti Haji Mohsin dan Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misli bin Haji Abdul Karim.

Dalam pada itu, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) melalui Badan Ugama Islam juga mengadakan Majlis Khas sempena HKK bertempat di Surau Ibu Pejabat PDB, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pesuruhjaya Polis, PDB, Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al Islam.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Awang Mohammad Irwan bin Haji Hambali serta pegawai dan anggota Pasukan PDB dan keluarga.

Atur cara dimulakan dengan Solat Fardu Maghrib seterusnya diikuti dengan bacaan Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran serta diselenggarakan Solat Fardu Isyak Berjemaah yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Pasukan PDB, APO SM 6924 Pengiran Haji Ludin bin Pengiran Haji Matahir.

Dengan adanya majlis itu akan dapat mewujudkan kesedaran dan mengiktiraf keluarga sebagai unit asas yang penting dalam membina masyarakat penyayang yang menjadi asas kepada keharmonian negara serta menggalakkan setiap lapisan masyarakat amnya dan khususnya pada Pasukan PDB untuk mengukuhkan lagi jalinan kasih sayang dan hubungan silaturahim di antara semua ahli keluarga sama ada yang dekat mahupun yang jauh.

Sambutan HKK diadakan bagi meningkatkan pemahaman mengenai kepentingan agama dalam kehidupan berkeluarga dengan mewujudkan kasih sayang, persefahaman, bantu-membantu dan saling hormat-menghormati, di samping menggalakkan masyarakat khususnya keluarga di Negara Brunei Darussalam untuk membina keluarga bahagia dan harmoni serta menggalakkan setiap ahli keluarga meluangkan masa berkualiti bersama keluarga.

Sambutan HKK 2017 yang Ke-5 membawa tema 'Keluargaku Penyayang Negara Gemilang'.

DAERAH TUTONG



TIMBALAN Menteri (Korporat Penggerak dan Ekonomi), Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roslan bin Haji Mohd. Daud (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2017 berlangsung di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel Kiudang, Tutong.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

TUTONG, Sabtu, 6 Mei. - Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2017 berlangsung di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel Kiudang, Tutong, di sini.

Majlis kesyukuran itu dihadiri Timbalan Menteri (Korporat Penggerak dan Ekonomi), Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roslan bin Haji Mohd. Daud selaku tetamu kehormat.

Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak serta Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel Kiudang,

Awang Haji Abdul Aziz bin Badul yang kemudiannya mengetuai bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil.

Sementara itu, bacaan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Awang Haji Masri bin Haji Mohamad.

Turut hadir ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain; pegawai dan kakitangan daripada Jabatan Daerah Tutong serta penduduk kampung.

Keluargaku Penyayang, Negara Gemilang merupakan tema bagi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan yang akan disambut pada 7 Mei 2017 tahun ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Mei. - Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2017 bagi Daerah Brunei dan Muara telah dimulakan dengan Majlis Kesyukuran yang diadakan di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Imam Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Awang Haji Asbinin bin Haji Zainal diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat.



PESURUHJAYA Polis, PDB, Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al Islam (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khas sempena Hari Keluarga Kebangsaan anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei diisi dengan bacaan Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran.

Kempen pelupusan kenderaan terbiar

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Mei. - Agensi-agensi Penguatkuasa terdiri dari Jabatan-Jabatan Bandaran dan Pejabat-Pejabat Daerah seluruh negara; Polis Diraja Brunei; Jabatan Pengangkutan Darat; Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi serta syarikat-syarikat kewangan dan pelupusan telah mengadakan proses pengalihan (*removal*) kenderaan-kenderaan terbiar, bertempat di Kampung Menglait, di sini.

Kenderaan-kenderaan terbiar ini akan dipindahkan ke tempat-tempat penaruhan sementara di bawah kawal selia syarikat-syarikat pelupusan

yang dilantik sebelum proses-proses seterusnya, iaitu dilupuskan dan pembatalan pendaftaran kenderaan berkenaan atau dilelong.

Kenderaan-kenderaan itu akan disimpan dan jika sekiranya kenderaan-kenderaan itu tidak dituntut dalam masa tiga bulan, ia akan dilupuskan dan dibatalkan dari pendaftaran atau ia boleh dilelong.

Kempen tersebut dilaksanakan melalui tiga pendekatan 'PENDEKATAN PERTAMA', iaitu pengalihan dilaksanakan melalui jawatankuasa kempen yang ditubuhkan (iaitu *competent authorities*)

dengan melaksanakan seksyen 84 penggal 68 akta lalu lintas jalan raya yang sedia ada. Ia tertumpu pada salah satu kawasan di Menglait Gadong dan susulan dari surat amaran yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan serta mengikut senarai awal yang diterima, di mana terdapat 24 buah kenderaan terbiar yang sudah lama ditinggalkan di kawasan tersebut.

Hasil lawatan awal, jawatankuasa pada 3 Mei lalu, sebanyak 11 buah kenderaan dari senarai tersebut telah dipindah oleh pemilik masing-masing sementara 13 lagi masih terbiar dan akan dialih ke tempat penaruhan sementara sebelum proses-proses selanjutnya manakala 26 buah lagi kenderaan yang dikenal pasti dipercayai ditinggalkan dan ini termasuk dua buah kenderaan dari negara jiran.

Dalam kempen ini, hanya dua buah kenderaan telah dialih oleh jawatankuasa dan 11 buah lagi akan dipindah oleh pemilik setelah mereka dihubungi oleh pihak jawatankuasa.

Sehubungan dengan penemuan ini dan menggunakan PENDEKATAN KEDUA, jawatankuasa ini dengan merujuk akta kesalahan-kesalahan kecil penggal 30 bab 12 (1) f (i) Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan mengingatkan dan memberi amaran pada bengkel-bengkel atau pemilik kenderaan atau tuan punya kawasan berkenaan untuk memindahkan kenderaan-kenderaan tersebut secepat mungkin.

Jika gagal memindahkan, pemilik kenderaan atau badan-badan lain seperti kedai-kedai atau bengkel-bengkel yang tanpa kebenaran yang sah, meninggalkan di atas mana-mana bahagian jalan raya atau di atas sebarang tanah lapang, sesebuah kenderaan, akan dikenakan denda sebanyak BND500 setiap kenderaan.

Untuk pengetahuan syarikat-syarikat yang telah dilantik dan diberi kebenaran melalui jawatankuasa ini untuk mengalih kenderaan yang terbiar yang akan dimaklumkan kemudian.

Orang ramai adalah diminta untuk memberi kerjasama dalam perkara ini.

PENDEKATAN KETIGA adalah bagi semua penghulu dan ketua kampung seluruh negara untuk membantu memantau kawasan kampung masing-masing dan meminta penduduk kampung tidak meninggalkan kenderaan mereka terbiar di tepi jalan raya atau di kawasan tempat awam yang mengganggu kesejahteraan penduduk kampung.

Jika sekiranya kenderaan itu bukannya kepunyaan penduduk kampung, penghulu dan ketua kampung bolehlah melaporkan perkara ini ke JPD sebagai sekretariat jawatankuasa ini.



PELBAGAI Agensi Penguatkuasakan ketika mengadakan proses pengalihan (*removal*) kenderaan-kenderaan terbiar, bertempat di Kampung Menglait (atas dan bawah).



'GetItDone' tawar pelbagai produk tempatan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Mei. - Pelbagai jenis jualan produk dan perkhidmatan tempatan ditawarkan pada 'GetItDone Marketplace Fair' kali pertama yang akan berlangsung selama dua hari bertempat di Kompleks Beli Belah Airport Mall, di sini.

Pameran anjuran Techbru Solutions Sdn. Bhd. ini disertai oleh kira-kira 36 pengusaha yang terdiri daripada semua usahawan tempatan di negara ini dengan penglibatan besar daripada belia-belia tempatan yang berdaftar dalam Aplikasi 'GetItDone'.

Perasmiannya telah disempurnakan

oleh Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Amiruddin bin Haji Mohammad Hassan.

'GetItDone' merupakan satu platform yang membolehkan para pengusaha untuk menjual produk dan perkhidmatan mereka melalui aplikasi *web* dan telefon bimbit mudah alih yang boleh didapati di 'Android dan IOS'.

Aplikasi ini membolehkan pengguna untuk menyewa pembekal perkhidmatan dan juga membeli produk melalui aplikasi tersebut,

yang mana ia boleh dimuat turun dan pendaftaran secara percuma.

Pihak TechBru Solutions ketika ini juga sedang berusaha untuk menyediakan pembayaran secara dalam talian kepada para pembeli bagi perkhidmatan dan produk-produk yang ditawarkan.

Ianya diharap dapat membantu membawa imej Negara Brunei Darussalam dari sudut pandangan teknologi, ekonomi, perniagaan dan pekerjaan.

Orang ramai adalah dialu-alukan berkunjung ke pameran ini yang dibuka bermula 10.00 pagi hingga 10.00 malam di mana para pengunjung juga berpeluang memenangi hadiah utama cabutan bertuah berupa dua tiket pergi balik ke Kuala Lumpur, Malaysia termasuk penginapan.

Keluarga penyayang jamin kebahagiaan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Mei. - Harga kasih sayang adalah asas, rukun dan tonggak keluarga sakinah atau keluarga bahagia malah kasih sayang juga sangat dipentingkan untuk mengurus negara serta mentadbir kerajaan.

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned berkata apabila disebut 'negara' tidak boleh tidak pasti berbangkit ialah rakyat, iaitu rakyatlah yang dituntut supaya menyayangi negara.

"Jika rakyat itu orang Islam, maka awas! Tanpa ada kasih sayang terhadap negara, iman mereka dianggap bermasalah. Dan kedua, apabila disebut pula 'rakyat', maka dari kalangan mereka, akan adalah individu-individu yang bergelar pemimpin : pemimpin rakyat. Mereka ini juga, lebih-lebih lagi dikehendaki supaya memiliki sifat penyayang.

Kalau tidak, mereka akan dianggap sebagai tidak layak untuk menjadi pemimpin," tegas Yang Berhormat semasa menyampaikan Ceramah Perdana bertajuk 'Keluarga Penyayang Pemangkin Kebahagiaan' pada Majlis Perhimpunan Keluarga yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Terdahulu Yang Berhormat berkata, keluarga penyayang itu adalah jaminan bagi kebahagiaan, tidak kira keluarga itu kaya ataupun miskin, jika penyayang, pasti bahagia.

"Perasaan kasih sayang dan belas kasihan adalah rukun bahagia. Tanpa rukun ini, jangan mimpi untuk bahagia. Bukan rupa paras yang cantik jadi rukun. Bukan harta yang banyak jadi rukun," tegas Yang Berhormat lagi.



CERAMAH Perdana Pengukuhan Institusi Keluarga disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dengan tajuk 'Mewujudkan Keluarga Sakinah, Mawaddah dan Warahmah'.

Dalam Ceramah Perdananya juga menegaskan kepada semua untuk berazam membina keluarga bahagia untuk memenuhi sunatullah : Mengecap kebahagiaan melalui rumah tangga.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kesan dan pengaruh dari isteri yang beragama dalam pembentukan keluarga adalah penting di mana pengaruh isteri atau makhluk hawa dalam rumah tangga penting.

"Pengaruh ini jika sihat, maka hasilnya juga sihat, dan jika tidak, maka tidaklah!" tegas Mufti Kerajaan.

Yang Berhormat juga mengingatkan pasangan suami isteri perlunya menjaga hubungan masing-masing, jangan sampai terganggu, masing-masing jangan suka cari pasal yang boleh mencederakan hubungan mereka.



PENGARAH Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Amiruddin bin Haji Mohammad Hassan (kiri) ketika merasmikan 'GetItDone Marketplace Fair'.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 39/5/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 08 MEI 2017

TARIKH TUTUP: 22 MEI 2017

1. PEGAWAI PELAJARAN G.13 BAHAGIAN II UNIT HAL EHWAL ANTARABANGSA (PENDIDIKAN TERAS) KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN: 01	2. PEMBANTU TUKANG UBAT M.3 EB.4 BAHAGIAN IV JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI KEMENTERIAN KESIHATAN KEKOSONGAN: 02
---	---

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Announcement di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS

SURAT KUASA PUSAKA NO. T / LA / 07 / 2017

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NURALIYAH NADHIRAH BINTI YAHYA** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **YAHYA BIN SIDEK** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **6 MEI 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 27 April 2017.

SURAT KUASA PUSAKA NO. T / LA / 04 / 2017

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AMINAH BINTI HAJI MARSAL** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI MARSAL** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK** kepada si mati. Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **6 MEI 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 27 April 2017.

**DK. NORAFIDAH
BINTI PG. HAJI BUNGSU
B / P. TIMBALAN PEGAWAI WARIS
TUTONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

REQUEST FOR PROPOSALS (RFP)
DEPARTMENT OF AGRICULTURE
AND AGRIFOOD,
MINISTRY OF PRIMARY
RESOURCES AND TOURISM (MPRT)

Open Invitation for Proposals

1) TO INVEST, DEVELOP, MAINTAIN, OPERATE AND PRODUCE PADDY IN AGRICULTURE DEVELOPMENT AREA : PANCHOR MURAI PADDY AREA 'A', 55 HA, BRUNEI MUARA, BRUNEI DARUSSALAM
Reference No. :
MPRT / RFP / 2017 / 9

2) TO INVEST, DEVELOP, MAINTAIN, OPERATE AND PRODUCE PADDY IN AGRICULTURE DEVELOPMENT AREA : PANCHOR MURAI PADDY AREA 'B', 55 HA, BRUNEI MUARA, BRUNEI DARUSSALAM
Reference No. :
MPRT / RFP / 2017 / 10

The Department of Agriculture and Agrifood, Ministry of Primary Resources and Tourism invites proposals from interested parties to :

1) Invest, develop, maintain, operate and produce paddy in Agriculture Development Area : Panchor Murai Area 'A', 55 ha, Brunei Muara, Brunei Darussalam.
2) Invest, develop, maintain, operate and produce paddy in Agriculture Development Area :

Panchor Murai Area 'B', 55 ha, Brunei Muara, Brunei Darussalam.

The objective of both of these project are :

1. To develop and produce a profitable and sustainable paddy production within designated area of Panchor Murai using high technologies;
2. To increase production of paddy industry; and
3. To generate employment for the locals.

More detailed information and guidelines for submitting proposals will be provided in the Request For Proposals (RFP) document.

For all correspondence and registration of the RFP, interested parties should send an e-mail to rtp@mprt.gov.bn with subject heading of the interested area(s) "Proposal to invest, develop, maintain, operate and produce paddy in Agriculture Development Area : Panchor Murai Area 'A', 55 and / or 'B' 55, ha, Brunei Darussalam", attaching information on the company, relevant experience as well as contact details.

Completed proposal should be submitted not later than 2.00 Pm on Tuesday, 16 May 2017.

**Tender Box
Ground Floor
Ministry of Primary Resources
and Tourism
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam.**



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*) ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tajuk Tawaran 1 :
To do top overhaul, repair, replace and servicing on the rear engine for BG 4903
Bilangan Tawaran :
AME / 2017 - 2018 / SH - 19
Tajuk Tawaran 2 :
Services and replacement the turret system of fire truck BG4985 (F.1)
Bilangan Tawaran :
AME / 2017 - 2018 / SH - 20

Tarikh terakhir mengambill dokumen tawaran :
Tidak lewat jam 2.00 Petang, 16 Mei 2017, Selasa.

Tarikh tutup tawaran pada :
Jam 2.00 Petang, 17 Mei 2017, Rabu.

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a. Tingkat Bawah Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Perhubungan

**Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

Iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.civilaviation.gov.bn>.

Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperolehi dokumen-dokumen dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan membayar yuran tawaran sebanyak **BND10.00 (hardcopy)** - tidak dikembalikan bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
1.45 Petang hingga 3.30 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
1.45 Petang hingga 3.30 Petang

Sesi taklimat tawaran (*briefing*) atau / dan lawatan tapak (*site visit*) bagi tawaran akan diadakan seperti berikut :

11 Mei 2017 (Khamis)
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
1.45 Petang hingga 3.30 Petang

Tempat Berkumpul :

Dewan Serbaguna Bangunan Pengurusan dan Kejuruteraan Pemeliharaan Aset (AME) Jabatan Penerbangan Awam.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN :
MINDEF / DFA / RC / 34 (7)
TAILORING SERVICES FOR GURKHA RESERVE UNIT -
THREE (3) YEARS CONTRACT
BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

SYARAT-SYARAT TAWARAN

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkliah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 23 Mei 2017**. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran (Blok 'D'), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan pada

hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula pada 17 April 2017.

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :

Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Jumaat
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.30 Petang hingga 3.00 Petang

Syarat-syarat dan iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>.



**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

PEMBERITAHUAN TAWARAN
Radio Televisyen Brunei
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

BILANGAN TAWARAN :
RTB / 02 / 2017
TENDER NO. RTB/ 02/ 2017 -
SUPPLY AND DELIVERY OF
WIRELESS BELT - PACK SYSTEM
FOR GOLDEN JUBLIEE CELEBRATION
OF HIS MAJESTY'S ACCESSION
TO THE THRONE
Bayaran tawaran : BND10.00
(tidak dikembalikan)
Tarikh tutup : 6 Jun 2017

BILANGAN TAWARAN :
RTB / 03 / 2017
TENDER NO. RTB/ 03/ 2017 -
SUPPLY AND DELIVERY OF ROBOTIC
CAMERA SYSTEM FOR GOLDEN
JUBLIEE CELEBRATION
OF HIS MAJESTY'S ACCESSION
TO THE THRONE
Bayaran tawaran : BND10.00
(tidak dikembalikan)
Tarikh tutup : 6 Jun 2017

BILANGAN TAWARAN :
RTB / 04 / 2017
TENDER NO. RTB/ 04/ 2017 -
SUPPLY AND DELIVERY OF FRAME
SYNCHRONIZER SYSTEM
FOR GOLDEN JUBLIEE CELEBRATION
OF HIS MAJESTY'S ACCESSION
TO THE THRONE
Bayaran tawaran : BND10.00
(tidak dikembalikan)
Tarikh tutup : 6 Jun 2017

BILANGAN TAWARAN :
RTB / 05 / 2017
TENDER NO. RTB/ 05/ 2017 -
SUPPLY AND DELIVERY OF CAMERA
CABLES FOR GOLDEN JUBLIEE
CELEBRATION OF HIS MAJESTY'S

ACCESSION TO THE THRONE
Bayaran tawaran : BND10.00
(tidak dikembalikan)
Tarikh tutup : 6 Jun 2017

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal, agen-agen dan pengedar-pengedar bagi tawaran-tawaran tersebut.
2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperoleh dari Seksyen Kewangan, Tingkat 2, Bangunan Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, BS8610, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan bayaran sebanyak BND10.00 (tidak dikembalikan).
3. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan.
4. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat biasa yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong. Bagaimanapun bilangan nombor rujukan tawaran (*tender reference no.*) dan tarikh tutup hendaklah ditulis dengan jelas.
5. Tarikh tutup tawaran bagi RTB / 02 / 2017, RTB / 03 / 2017 RTB / 04 / 2017 dan RTB / 05 / 2017 ialah pada Selasa, 6 Jun 2017, jam 2.00 Petang.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada :

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Jabatan Perdana Menteri.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SURAT tawaran hendaklah di masukan ke dalam PETI TAWARAN bertempat di Aras Bawah, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Bandar Seri Begawan dan dialamatkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Aras Bawah, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, BS8610
Negara Brunei Darussalam.

TAJUK :
TWO YEARS TERM CONTRACT TENDER FOR DAILY CLEANING
OF TAMU KIANGGEH COMPLEKS'S AND SURROUNDING AREA
BILANGAN TAWARAN :
JBBSB / LTK / 2017-2019 / 01 / LTK

TARIKH TUTUP TAWARAN :
Selasa, 16 Mei 2017, jam 2.00 Petang

BAYARAN menyertai tawaran ini ialah BND100.00 bagi setiap satu tawaran dan bayaran ini tidak dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran boleh dibayar di :

Bahagian Kaunter Perkhidmatan Pelanggan
Tingkat 3, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan
Jalan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam.

Syarat-syarat dan dokumen tawaran bolehlah didapati dari Tingkat 5, Pejabat Pengurusan Kompleks Tamu Kianggeh Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan, Jalan Cator Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan semasa waktu pejabat dibuka.

Surat tawaran hendaklah dimasukan ke dalam PETI TAWARAN Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, yang terdapat di Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Bandar Seri Begawan.



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

PENENDER-PENENDER adalah di pelawa untuk mengemukakan tawaran bagi tiga (3) kerja berikut :

1. RBPF / TPROC / RC / 016-T

PEMBEKALAN DAN
PERKHIDMATAN KERETA
/ MOTORSIKAL SEWA POLIS
KAWALAN DIRAJA, PASUKAN POLIS
DIRAJA BRUNEI (KONTREK 5 TAHUN)
Yuran tawaran : BND2,000.00
(tidak dikembalikan)

2. T / 001 / RBPF-HQ / 2017-T

TO SUPPLY, DELIVER, TESTING
AND COMMISSIONING SALOON
CARS/VEHICLES COMPLETE WITH
EQUIPMENTS AND STANDARD
ACCESSORIES FOR ROYAL BRUNEI
POLICE FORCE (10 UNITS)
Yuran tawaran : BND30.00
(tidak dikembalikan)

3. T / 002 / RBPF-HQ / 2017-T

TO SUPPLY, DELIVER, TESTING
AND COMMISSIONING OF 4X4 (4
WHEEL DRIVE) VEHICLE COMPLETE
WITH EQUIPMENTS AND STANDARD
ACCESSORIES FOR ROYAL BRUNEI
POLICE FORCE (10 UNITS)
Yuran tawaran : BND100.00
(tidak dikembalikan)

1. Dokumen tawaran boleh diperoleh dari Unit Pembelian dan Perbekalan,

Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Polis Gadong
pada waktu bekerja, iaitu **Isnin** hingga **Khamis** dari jam **8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi** dan **2.00 Petang** hingga **3.00 Petang** dan **Sabtu** dari jam **8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi**.

SEMASA BULAN RAMADAN
BERMULA JAM
8.00 PAGI HINGGA 2.00 PETANG

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar kealamat yang tersebut dibawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong **tidak lewat jam: 2.00 Petang, Selasa, 6 Jun 2017 :**

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Level 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

3. Yuran tawaran (*tender fee*) dikehendaki dibayar dengan **WANG TUNAI** sahaja dan wang tidak dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran. Pembayaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam **8.00 Pagi** di **Bahagian Kewangan, Aras Bawah, Ibu Pejabat Polis Gadong.**



JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

INSTRUCTION TO BIDDERS

JP / T2 / 2017-2018 - PROPOSAL TO SUPPLY, DELIVERY AND INSTALL
OF X-RAY MACHINE, WALK THROUGH DETECTOR AND HANDHELD METAL
DETECTOR TO SERASA FERRY TERMINAL, PORTS DEPARTMENT
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Bidders are invited from supplier company who registered with Ministry of Development, Negara Brunei Darussalam under **Class III & IV**.

1. Quotation documents can be obtained during office hours from :

TENDER AND QUOTATION UNIT
2ND FLOOR, PORTS DEPARTMENT HQ
MUARA, BRUNEI DARUSSALAM.

Monday until Thursday, 8.00 Am until 11.00 Am

1.30 Pm until 2.30 Pm

Saturday, 8.00 Am until 10.00 Am

2. Requests for bidding document should be accompanied with a non-refundable document fee of **BRUNEI DOLLARS THIRTY ONLY (BND30.00)**.

3. Bidding documents will be issued up to **18 MAY 2017**, a few weeks before closing date.

TIME AND PLACE FOR SUBMISSION OF BIDS

4. The bid (s) must be sent in a sealed, plain envelope with the following requirements :

(a) **JP / T2 / 2017-2018 - PROPOSAL TO SUPPLY, DELIVERY AND INSTALL**
OF X-RAY MACHINE, WALK THROUGH DETECTOR AND HANDHELD METAL
DETECTOR TO SERASA FERRY TERMINAL, PORTS DEPARTMENT
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

(b) Must be clearly written on the front side of the envelope.

(c) The envelope used must NOT bare the name of any company or supplier.

(d) The envelope must be addressed to:

THE CHAIRMAN
MINI TENDER BOARD
MINISTRY OF COMMUNICATIONS
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3910
BRUNEI DARUSSALAM.

(e) The bids will be received only until **TUESDAY, 23 MAY 2017.**



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 19 April 2017**. Sila layari *website* Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

Dokumen-dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Selasa pada 16 Mei 2017**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

TAWARAN

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 39 / 2017 (PKK)(TC)**

KETERANGAN :
THREE (3) YEARS TERM CONTRACT FOR COMPREHENSIVE MAINTENANCE AND REPAIR OF GENERATOR SET AT HEALTH CENTRES FOR MINISTRY OF HEALTH

Kelayakan pemborong / pembekal : berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan
Kelas : - Kategori : M03, E01, E02 & E03
YURAN TAWARAN : BND30.00
TARIKH TUTUP : tidak lewat jam 2.00 Petang, 16 Mei 2017

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 40 / 2017 (UPP)(TC)
KETERANGAN :**
THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL ITEM (ENZYMATIC CLEANING DETERGENT) FOR RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS
YURAN TAWARAN : BND100.00
TARIKH TUTUP : tidak lewat jam 2.00 Petang, 16 Mei 2017

**IKLAN WEBSITE PADA
19 APRIL 2017**

1. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai Sabtu, 22 April 2017. Sila layari *website* Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Selasa pada 23 Mei 2017**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth

Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran

Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

TAWARAN

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 42 / 2017 (ESTETMOH)(TC)
KETERANGAN :THE PROVISION OF CLEANING SERVICES FOR THE MINISTRY OF HEALTH COMPLEX, JALAN MENTERIA BESAR FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
YURAN TAWARAN : BND50.00
TARIKH TUTUP : tidak lewat jam 2.00 Petang, 23 Mei 2017

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 43 / 2017 (ESTETMOH)(TC)
KETERANGAN : THE PROVISION OF COMPREHENSIVE MAINTENANCE SERVICES FOR LIFTS AT MINISTRY OF HEALTH BUILDINGS FOR A PERIOD OF FIVE (5) YEARS**
Kelayakan pemborong / pembekal : Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan
Kelas : - Kategori : KPME02
YURAN TAWARAN : BND30.00
TARIKH TUTUP : tidak lewat jam 2.00 Petang, 23 Mei 2017

BILANGAN TAWARAN :

**KK / 44 / 2017 (JPR)(TC)
KETERANGAN : FIVE(5) YEARS TERM CONTRACT FOR COMPREHENSIVE MAINTENANCE AND REPAIR OF GENERATOR SET AT DIALYSIS CENTRE IN RIMBA, KIARONG AND TUTONG DIALYSIS CENTRE, MINISTRY OF HEALTH**
Kelayakan pemborong / pembekal : Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan
Kelas : -
Kategori : M03, E01, E02 & E03
YURAN TAWARAN : BND30.00
TARIKH TUTUP : tidak lewat jam 2.00 Petang, 23 Mei 2017

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 71 / 2017**

KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN : BND30.00
TARIKH TUTUP : tidak lewat jam 2.00 Petang, 23 Mei 2017

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 72 / 2017
KETERANGAN :**
THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL S
YURAN TAWARAN : BND30.00
TARIKH TUTUP : tidak lewat jam 2.00 Petang, 23 Mei 2017

**IKLAN WEBSITE PADA
22 APRIL 2017**


**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**BIL. TAWARAN :
JAPEM / KENDERAAN / PULAIE / 2017**

**PERKARA :
TAWARAN UNTUK MEMBEKALKAN
SATU (1) BUAH VAN 15 ATAU 16 SEATER**

**BIL. TAWARAN :
JAPEM / T / KENDERAAN / KRK / 2017**

**PERKARA :
TAWARAN UNTUK MEMBEKALKAN**

SATU (1) BUAH VAN 15 ATAU 16 SEATER

Syarat-Syarat Tawaran :

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperoleh semasa waktu pejabat, di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan.

Yuran tawaran (wang tunai sahaja) sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan)** akan dikenakan kepada pemborong-pemborong yang memasuki tawaran ini dan hendaklah dijelaskan ke Bahagian Hasil, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat,

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Waktu bagi menerima bayaran :

Isnin hingga Khamis :
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan
1.45 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu :
9.30 Pagi hingga 11.00 Pagi

*** Tarikh terakhir menerima pembayaran ialah pada Isnin, 22 Mei 2017 (sebelah pagi sahaja),

Tawaran hendaklah sampai ke alamat seperti yang dinyatakan **tidak lewat pada Isnin, 22 Mei jam 2.00 Petang** dan tawaran yang lewat diterima dari tarikh seperti yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : II, III & IV
KATEGORI : KPB11 SAHAJA - KOD BAHARU**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA : 16 Mei 2017 (Selasa)**

TARIKH TUTUP : 30 Mei 2017 (Selasa) tidak lewat dari jam 2.00 Petang

**BIL. TAWARAN :
JKR / DTS / 15 / STE / 2017 - T/III**

**NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA BAIKPULIH KEROSAKAN STRUKTUR BANGUNAN
SEKOLAH UGAMA PENGIRAN MUDA HAJI ALMUHTADEE BILLAH,
KAMPUNG LURONG DALAM KAWASAN BRUNEI III**

**NO. PROJEK :
JKR / DTS / SP / 03 / 2017
YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : -**

SYARAT-SYARAT tawaran dan dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.


**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**
REQUEST FOR PROPOSALS (RFP)

**DEPARTMENT OF AGRICULTURE
AND AGRIFOOD,
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES
AND TOURISM (MPRT)
Open Invitation for Proposals**

1) "INVEST , DEVELOP, OPERATE AND PRODUCE NON-SEASONAL FRUITS PRODUCTION IN AGRICULTURE DEVELOPMENT AREA, MERANGKING (SITE F), BELAIT, BRUNEI DARUSSALAM"
Reference No. : MPRT / RFP / 2017 / 11

2) "INVEST, DEVELOP, OPERATE AND PRODUCE POULTRY MEAT AND ITS VALUE-ADDED PROCESSED PRODUCTS IN MERANGKING AGRICULTURE DEVELOPMENT AREA (SITE C), 80 HA, BELAIT, BRUNEI DARUSSALAM"
Reference No. : MPRT / RFP / 2017 / 12

3) "INVEST, DEVELOP, OPERATE AND PRODUCE POULTRY MEAT AND ITS VALUE ADDED PROCESSED PRODUCTS IN MERANGKING AGRICULTURE DEVELOPMENT AREA (SITE E), 80 HA,

BELAIT, BRUNEI DARUSSALAM"
Reference No. : MPRT / RFP / 2017 / 13

2) "INVEST, DEVELOP, OPERATE AND PRODUCE NON-SEASONAL FRUITS PRODUCTION IN AGRICULTURE DEVELOPMENT AREA, BIRAU 50 HA, TUTONG, BRUNEI DARUSSALAM"
Reference No. : MPRT / RFP / 2017 / 14

Completed proposal should be submitted **not later than 2.00 Pm on Tuesday, 1 August 2017.**

**Tender Box
Ground Floor
Ministry of Primary Resources and Tourism
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam.**

For all correspondence, please contact :
**Agriculture Development Area Unit
Department of Agriculture of Agrifood
Ministry of Primary Resources and Tourism
Old Airport, Brunei Darussalam.**

**Telephone No. : +6732 388063
E-mail : rfp@mprt**



**MAHKAMAH MAJISTRET BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH
MAJISTRET NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM DI DENGAR
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**SAMAN BIL. 216 TAHUN 2017
DI ANTARA**

**KERAJAAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM
... Plaintiff
DAN
AWANG ABDUL GHANI BIN TAMIN
... Defendan**

**NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT
PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI**

**Kepada : AWANG ABDUL GHANI
BIN TAMIN**

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa suatu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang disebutkan di atas oleh **KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, di mana tuntutan Plaintiff ialah berkaitan dengan pinjaman kenderaan seperti berikut:

- 1) sebanyak BND1,395.00;
- 2) faedah pada kadar 6% setahun mulai dari tarikh penghakiman hingga bayaran penuh'
- 3) kos;
- 4) sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal jeadaan tersebut.

DAN bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian Saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan melalui pemberitahuan ini 'Pelita Brunei' dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding terhadap kamu.

TINDAKAN tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan pada **16 Mei 2017 jam 8.30 pagi**, pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, perintah akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Bertarikh pada hari ini haribulan2017

MAJISTRET KANAN

Notis Pemberitahuan menurut Perintah Penyampaian Ganti ini dikeluarkan oleh Pejabat Peguam Negara, Peguambela dan Peguamcara bagi Plaintiff yang tersebut, alamat penyampaian di Pejabat Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, BA1910, Brunei Darussalam.

SAMAN BIL. 218 TAHUN 2017

**DI ANTARA
KERAJAAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

... Plaintiff

**DAN
DYG. ASMAH BINTI MAKMUN
...Defendan**

**NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT
PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI**

Kepada : DYG ASMAH BINTI MAKMUN

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa suatu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang disebutkan di atas oleh **KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**, di mana tuntutan Plaintiff ialah berkaitan dengan sewa gerai, Bangunan Pasar Pekan Bangar,

Temburong seperti berikut:

- 1) sebanyak BND900.00;
- 2) faedah pada kadar 6% setahun mulai dari tarikh penghakiman hingga bayaran penuh;
- 3) kos;
- 4) sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal jeadaan tersebut.

DAN bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian Saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan melalui pemberitahuan ini 'Pelita Brunei' dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding terhadap kamu.

TINDAKAN tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan pada **16 Mei 2017 jam 8.30 pagi**, pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, perintah akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Bertarikh pada hari ini haribulan2017

MAJISTRET KANAN

Notis Pemberitahuan menurut Perintah Penyampaian Ganti ini dikeluarkan oleh Pejabat Peguam Negara, Peguambela dan Peguamcara bagi Plaintiff yang tersebut, alamat penyampaian di Pejabat Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, BA1910, Brunei Darussalam.



**MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SURAT KUASA PUSAKA PROBATE
NO. 02 / 2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HEN YIEN SIONG** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ONG GEOK KIAW** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **9 MEI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :18 April 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA
LA NO. 92 / 2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH ZAUYAH BINTI HAJI NAYAN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI ZAININ BIN KALONG** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **25 APRIL 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 13 April 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA
LA NO. 102 / 2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH ROSTINAH BINTI HAJI MUHAMMAD** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ABDUL RAHIM BIN HIDUP** yang telah meninggal

dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **25 APRIL 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :13 April 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA
LA NO. 103 / 2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HJAI ARBAIE BIN TARSAT** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI MATUSIN BIN HAJI LATIF / HJAI ABD. LATIF** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **2 MEI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :15 April 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA
LA NO. 105 / 2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOHAMMAD SHAH RANI BIN HAJI MATAH / HAJI MATAHA** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH MAS RUDZIAH BINTI DATO PADUKA HAJI MD. YUSSOP / HAJI MD. YASSIN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **2 MEI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan

tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 15 April 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA
LA NO. 104 / 2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AWANG SHAHEMI BIN AWANG MATSALLEH** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AWANG MATSALLEH BIN KAHAR** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **2 MEI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :19 April 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA
LA NO. 106 / 2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **RUSYDI BIN RUSLEE** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ROKIAH BINTI MUMIN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **9 MEI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :18 April 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA
LA NO. 107 / 2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ABDUL RAHMAN BIN ARIFIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI ARIFIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa

permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **9 MEI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :18 April 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA
LA NO. 108 / 2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **TENG CHEE KHIONG, TENG CHEE HOW DAN TENG HUI LAN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **TENG CHIN YING** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **9 MEI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :18 April 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA
LA NO. 109 / 2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI ROSLAN BIN HAJI PUDIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI PUDIN BIN LADI** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **9 MEI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh :19 April 2017.

**Muhammad Amin Lim Ching
Penolong Pegawai Waris,
Negara Brunei Darussalam**

Perkhidmatan Awam teras utama kemajuan negara



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud (duduk, tengah) bergambar ramai bersama Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Ke-24, Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kerajaan Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Ke-24 dan Program Eksekutif Muda Kohort Pertama (YEP).



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud, ketika berucap selaku tetamu kehormat majlis.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Mei. - Perkhidmatan Awam adalah teras utama kemajuan sesebuah negara, manakala warga perkhidmatan awam merupakan pengurus, pemudah cara dan agen kepada perubahan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud berkata, sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

"PEMIMPIN-PEMIMPIN yang dinilai sebagai berpotensi tinggi akan disenaraikan di dalam Talent Pipelines yang berkenaan dan akan dipantau secara berterusan dengan memberikan latihan dan program-program pembangunan yang khusus kepada bidang kepimpinan dan pengurusan."

**Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Perkhidmatan Awam Ke-23 pada tahun lepas yang antara lain menekankan akan pentingnya warga Perkhidmatan Awam perlu memiliki disiplin yang tinggi dan kesungguhan dalam memainkan peranan masing-masing.

Justeru, tambahnya, baginda telah meneruskan titah menggalakan usaha JPM dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam Tahun 2016 hingga 2020 yang selaras dengan strategi Wawasan 2035.

"Baginda mengharapkan rangka kerja ini dapat memacu Perkhidmatan Awam di tahap yang lebih hebat dan progresif," ujar beliau selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Ke-24, Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kerajaan Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Ke-24 dan Program Eksekutif Muda

Kohort Pertama (YEP) yang berlangsung di Dewan Bankuet, Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini.

Sebahagian inisiatif-inisiatif di bawah Rangka Kerja tersebut, katanya, adalah menjurus kepada meningkatkan kualiti kepimpinan termasuk Inisiatif Kumpulan Pemimpin Perkhidmatan Awam atau Civil Service Leadership Pipeline (CSLP).

Menurutnya, program CSLP pada umumnya adalah bertujuan untuk menyedia kumpulan pegawai yang berpotensi untuk menjadi pemimpin Perkhidmatan Awam.

"Ianya boleh dianggap sebagai usaha untuk mengurus bakat atau *manage talents* yang dimiliki oleh Perkhidmatan Awam secara menyeluruh berbeza dengan pengurusan yang di peringkat kementerian atau jabatan," katanya.

Beliau menerangkan, pemimpin-pemimpin yang dinilai sebagai berpotensi tinggi akan disenaraikan di dalam Talent Pipelines yang berkenaan dan akan dipantau secara berterusan dengan memberikan latihan dan program-program pembangunan yang khusus kepada bidang kepimpinan dan pengurusan.

Seramai 88 pegawai dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dari pelbagai latar belakang dan kemahiran telah menerima sijil masing-masing yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

PMKS tempatan atur langkah kembangkan perniagaan

**Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

JERUDONG, Sabtu, 6 Mei. - Pengusaha-pengusaha Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam Ekspo PMKS dan Persidangan Inovasi Kali Pertama dan Pameran Brunei China-ASEAN Exposition (CAEXPO) 2017 tentunya akan memberi peluang kepada mereka untuk mengatur langkah perniagaan masing-masing.

Dua orang pengusaha syarikat tempatan semasa ditemu bual Pelita Brunei pada ekspo yang berlangsung di Dewan Bridex, Jerudong itu berharap ekspo berkenaan akan dapat meningkatkan lagi strategi perniagaan dan mengetengahkan kualiti produk mereka.

Pengarah Urusan, Syarikat Sahamada Corporation Sendirian Berhad, Awang Mohd. Nur Khalid bin Haji Ilias, 28, berkata ekspo tersebut merupakan yang terbesar bagi beliau dan ia adalah satu pengetahuan baharu dalam bidang perniagaan.

Setakat ini, beliau menjelaskan, sambutan jualan lada tempatan syarikatnya sangat memberangsangkan, yang mana ia juga turut dipasarkan dan dieksport keluar negara seperti Korea, Jepun, Thailand dan Dubai.

Sementara itu, Pengasas Bersama, Syarikat Amal Hadizat, Pengiran Hayatul Laila Munirah binti Pengiran Abdul Rahim menyertai ekspo tersebut adalah untuk mempromosi produk mereka, iaitu jagus berempah, kacang berempah dan yang terbaharu, popia *salted egg*.

Menurut beliau, bungkusan sesuatu produk adalah penting untuk menarik pembeli dan pembekal dari dalam dan luar negara.

Oleh itu, beliau berharap produk hasil buatan syarikatnya akan bertambah maju pada masa akan datang dan menambah produk baharu yang berkualiti tinggi.

"BUNGKUSAN sesuatu produk adalah penting untuk menarik pembeli dan pembekal dari dalam dan luar negara. Oleh itu, beliau berharap produk hasil buatan syarikatnya akan bertambah maju pada masa akan datang dan menambah produk baharu yang berkualiti tinggi."



AWANG Mohd. Nor Khalid Haji Ilias, salah seorang pengusaha tempatan mengikuti EXPO MSME 2017.



PENGIRAN Hayatul Laila Munirah binti Pengiran Abdul Rahim, pengusaha tempatan mengikuti EXPO MSME 2017.

Kanak-kanak TASKA didedahkan dengan makanan tradisi Brunei

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Amirulizam Pg. Haji Mohd. Ali**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Mei. - Seramai 559 orang kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) pagi ini menghadiri hari 'Makanan Tradisi Brunei' bersempena tema bulan April iaitu Budaya Brunei yang berlangsung di Dewan TASKA, sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengetua TASKA Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Hajah Zainab binti Haji Abd. Wahab.

Acara dimulakan dengan membaca Surah Al-Fatihah beramai-ramai diikuti dengan bacaan Doa Selamat yang diketuai oleh Ustazah Noryashimah binti Haji Mohd. Yassin dan seterusnya pengenalan mengenai Makanan Tradisi Brunei menerusi 'Slideshow Presentation' serta mengunjungi pameran Makanan Kering dari TA 1, Makanan Basah dari TA 2 dan Masakan Brunei dari TA 3 untuk *food tasting* dan menyaksikan tunjuk cara pembuatan kuih dan masakan Brunei dari guru-guru TA 3.

Tujuan utama acara ini diadakan

adalah untuk memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menimba pengalaman dan belajar dengan cara yang seronok dengan sesi demonstrasi membuat makanan dan mencuba makanan tradisional serta memperkenalkan kepelbagaian jenis makanan tradisi seperti kuih-muih yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu ia juga bertujuan untuk menanam sifat sayangkan tradisi Brunei agar makanan tradisi tidak lupus.

KANAK-Kanak Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) semasa menyaksikan tunjuk cara pembuatan Kuih dan Masakan Brunei dari guru-guru TA 3.



21 Pegawai PDB dinaikkan, ditetapkan pangkat



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al Islam (kiri) semasa menyempurnakan kenaikan pangkat dan penetapan jawatan bagi pegawai-pegawai polis.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin

GADONG, Sabtu, 6 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) mengadakan Majlis Kenaikan dan Ketetapan Pangkat bagi Pegawai-Pegawai Pasukan PDB bertempat di Dewan Bankuet Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis Gadong, di sini. Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jammy (empat, kiri) bergambar ramai bersama pegawai-pegawai polis yang dinaikkan pangkat dan penetapan jawatan.

Negara Brunei Darussalam, Inspektor Jeneral Polis Pasukan Polis Diraja Brunei, telah memperkenalkan 21 Pegawai PDB untuk dinaikkan dan ditetapkan pangkat, iaitu tiga dinaikkan pangkat sebagai Penolong Penguasa Polis (Assistant Superintendent of Police - ASP) mulai 1 Mac 2017; seorang dinaikkan pangkat sebagai ASP mulai 1 Mei 2017; seorang dinaikkan pangkat sebagai Ketua Inspektor Polis (Chief Inspector of Police - C/INSP) mulai 1 Mac 2017; lima dinaikkan pangkat

sebagai Inspektor Kanan Polis (Senior Inspector of Police - S/INP) mulai 1 Mac 2017; seorang dinaikkan pangkat sebagai S/INP mulai 1 Mei 2017 dan 10 ditetapkan pangkat ke ASP mulai 1 Mac 2017.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan acara tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al Islam.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Awang Mohammad Irwan bin Haji Hambali serta

pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan para jemputan khas.

PDB mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah menerima kenaikan pangkat tersebut.

Semoga pegawai tersebut akan terus bersemangat menunjukkan prestasi yang cemerlang semasa bertugas dan berkhidmat atas nama PDB untuk menuju ke arah kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Kegiatan ekonomi Koperasi ITM Bhd. terus berkembang

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



TIMBALAN Setiausaha Tetap (IT, E-Kerajaan dan Perindustrian), Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Pendaftar Koperasi-Koperasi, Dayang Hajah Tutiyati binti Haji Abdul Wahab (duduk, tengah) semasa sesi bergambar ramai pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Mei. - Koperasi di negara ini diharap dapat mempelbagaikan lagi aktiviti koperasi dalam menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara

dengan menceburi bidang-bidang perniagaan lebih besar dan kompetitif serta mampu untuk menembusi pasaran eksport sama ada di peringkat serantau mahupun di peringkat

antarabangsa.

Timbalan Setiausaha Tetap (IT, E-Kerajaan dan Perindustrian), Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Pendaftar Koperasi-Koperasi, Dayang

Hajah Tutiyati binti Haji Abdul Wahab menyatakan perkara tersebut semasa berucap selaku tetamu kehormat dan melancarkan Mesyuarat Agung Koperasi Ikatan Teluk Mewah (ITM) Berhad Kali Ke-9 Tahun 2016 yang berlangsung di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Sehubungan dengan itu katanya, dalam usaha mengemas kini urusan tadbir koperasi, Bahagian Koperasi dan Industri Kotej, JPM, telah memperkenalkan suatu bentuk kod amalan yang merupakan kod amalan terbaik ke arah perkembangan dan pembangunan koperasi lebih-lebih lagi dari segi pematuhan terhadap perundangan koperasi seperti kehendak Akta Syarikat Kerjasama Penggal 84.

Sementara itu, Pengerusi Koperasi ITM Bhd., Awang Haji Muhammad bin Haji Mohd. Yassin dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, ITM dari masa ke semasa dapat memperkembangkan kegiatan ekonominya dengan mendapatkan sebidang tanah seluas

10 ekar di Luahan, Jerudong yang dipanggil P26.

Jelasnya, antara aktiviti di kawasan tersebut termasuklah Pemeliharaan Tanaman Durian dan Rambutan; Tanam semula mangga harum manis dan pisang; Memelihara kambing bo dan Tanaman lada merah secara *cocopet* dan *polibeg* (sistem fertigasi).

Dalam pada itu, Setiausaha Agung ITM Sesi 2016 - 2017, Awang Haji Mohammad Yusoff bin Mohd Salleh semasa ditemui menjelaskan, pada tahun 2015 - 2016, Koperasi ITM Bhd., telah mencapai kejayaan yang dapat dibanggakan kerana kopersi tersebut telah berjaya dengan perusahaan penanaman lada merah di Ladang KKP P26, Luahan Jerudong.

Antara agenda mesyuarat termasuklah membincangkan lantikan Ahli-ahli Baharu Koperasi ITM dan meluluskan kunci kira-kira bagi tahun 2016.

Koperasi ITM Bhd. diasaskan oleh Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan (PEKIRA) pada tahun 2005 dan didaftarkan pada 10 Ogos 2005.

Agama berperanan penting dalam pembangunan institusi kekeluargaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Mei. - Agama memainkan peranan yang penting dalam pembangunan institusi kekeluargaan.

Sehubungan itu, Riadah dan Kayuhan Keluarga Harmoni sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2017 yang diadakan di ibu negara turut menampilkan pameran berunsurkan Islamik.

Antara yang menyertai pameran tersebut adalah Kumpulan Syababul Iman, iaitu Kumpulan Belia Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong, yang antara lain mengetengahkan mengenai Klinik Solat dan Keluarga Cinta Masjid.

Menurut Jawatankuasa Bahagian Dakwah dan Pembangunan Insan kumpulan berkenaan, Dr. Dayang

Hajah Ummi Faizah binti Haji Abdul Rahman, klinik solat yang dipamerkan memberi penerangan kepada orang ramai mengenai fakta kebaikan kusyuk dalam sembahyang dari sudut saintifik.

"Selain itu, kami juga mempamerkan mengenai manfaat wuduk serta analogi pokok mengenai azab meninggalkan sembahyang dan ganjaran mengerjakannya," katanya kepada Pelita Brunei.

Mengenai pameran Keluarga Cinta Masjid, beliau menjelaskan, beberapa tips dikongsikan buat ibu bapa pada pameran itu bagi memastikan anak-anak mereka mudah untuk dibawa ke masjid.

Sementara itu, pengetahuan mengenai cara penyediaan debu tanah dan kaedah bertayamum juga

dikongsikan pada petak pameran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Penolong Pensyarah Fakulti Syariah KUPU SB, Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian berkata, pameran tersebut bertujuan untuk menunjukkan mengenai praktikal tayamum untuk orang ramai bagi memudahkan mereka jika menghadapi kesulitan untuk mengambil wuduk.

"Kaedah tayamum biasanya digunakan sewaktu susah untuk mendapatkan air atau pun ketika sakit, yang mana air tidak sampai ke anggota tersebut," katanya.

Jelasnya, dengan adanya penerangan praktikal tersebut dapat memberi kefahaman mengenai tayamum kepada orang ramai dan agar mereka tetap mengerjakan solat.

Oleh : Aimi Sani, Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



JAWATANKUASA bahagian dakwah dan pembangunan insan Kumpulan Syababul Iman, Dr. Dayang Hajah Ummi Faizah binti Haji Abdul Rahman.



PENOLONG Pensyarah Fakulti Syariah KUPU SB, Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian.

Karya Lukisan Kolaj mampu jana kreativiti pelajar



PEMANGKU Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Awang Zaman bin Haji Gapor (tiga, kanan) hadir selaku tetamu kehormat ketika bergambar ramai bersama johan yang disandang oleh Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong menerusi tema 'Flora dan Fauna' pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Lukisan Kolaj Sekolah-Sekolah Menengah Senegara Tahun 2017.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Mohd. Said

BERAKAS, Sabtu, 6 Mei. - Jabatan Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Kokurikulum, Akli telah mengadakan Majlis

Penyampaian Hadiah Pertandingan Lukisan Kolaj Sekolah-Sekolah Menengah Senegara Tahun 2017 yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Awang Zaman bin Haji Gapor. Menurut Pemangku Pengarah

Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan karya lukisan kolaj dinilai mampu untuk menjana pemikiran, kecerdasan dan kreativiti para pelajar dalam seni lukisan.

Justeru itu, Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Akli terangnya mengambil inisiatif mengadakan pertandingan seumpamanya yang secara tidak langsung dapat mendidik generasi muda untuk meningkatkan kemahiran dan bergiat aktif bagi mendukung hasrat negara dalam memajukan lagi industri kreatif.

Pada peringkat akhir, seramai 27 pelajar dari sembilan buah sekolah menengah menyertai pertandingan berkenaan, dan penghakiman bagi lukisan tersebut telah diadakan di Jabatan Pendidikan Kokurikulum pada 29 April 2017 yang lalu.

Menerusi pertandingan bertemakan 'Flora dan Fauna' itu, johan telah disandang oleh Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong, sementara naib johan pula Sekolah Menengah Sultan Hasan, Bangar, Temburong dan tempat ketiga jatuh kepada Chung Hua Middle School, Kuala Belait.

Tema pertandingan 'Flora dan Fauna' - untuk meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan flora dan fauna dalam pembentukan ekosistem itu antara lain bertujuan untuk memberikan peluang kepada para pelajar untuk mengekspresikan idea, perasaan dan memperkembangkan daya kreativiti mereka melalui seni lukisan kolaj.

Tingkatkan kesedaran ibu bapa kawal anak-anak

SERIA, Sabtu, 6 Mei. - Program Awasi Anak Kitani dihasrat bagi menambah dan meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah dan isu-isu keselamatan dalam negeri.

Ibu bapa berperanan penting untuk mengawasi anak masing-masing agar tidak terjerumus dengan perangkap dadah dan isu-isu keselamatan dalam negeri.

Program anjuran Jabatan

Penerangan, Cawangan Penerangan Daerah Belait dan Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dengan Kerjasama Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pejabat Peguam Negara serta Biro Pendidikan, Majlis Perundingan Kampung STKRJ Lorong 3 Selatan Seria telah diadakan di Dewan Maktab Anthony Abell, Seria.

Program berkenaan diisikan dengan taklimat pertama bertajuk 'Jenayah Siber' dari Pejabat Peguam Negara

disampaikan oleh Awang Ratno Eddy Sophian bin Haji Zaidi dan Awang Aiman Adri bin Ahmad Zakaria, yang sedikit sebanyak menyentuh mengenai jenayah yang dilakukan melalui internet dan sebagainya.

Manakala taklimat kedua disampaikan oleh wakil dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri. Jabatan Keselamatan Dalam Negeri juga menyampaikan taklimat tentang tugas dan tanggungjawab jabatan berkenaan termasuk isu-isu

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

keselamatan dalam negeri di bawah pantauannya.

Seterusnya taklimat ketiga disampaikan oleh Pegawai Narkotik, Awang Haji Hairman bin Haji Abd. Rahman dari Biro Kawalan Narkotik yang telah menyentuh mengenai keburukan dadah yang mana gejala penyalahgunaannya dalam kalangan masyarakat dan negara semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan serius.

Taklimat tersebut juga turut berkongsi maklumat dalam menghadapi anak-anak yang telah terjerumus dalam aktiviti yang tidak sihat ini.

Pelita Brunei telah menemu bual salah seorang wakil ibu bapa dari Sekolah Saint Angela's Seria, Haji Jamaludin bin Haji Mohd. Yassin, HR Assistant Brunei Shell, berpendapat

program yang diusahakan oleh Jabatan Penerangan tersebut sangat bagus dan sangat berguna dalam mengongsikan ilmu dalam kalangan masyarakat yang berstatus ibu bapa selaku ketua keluarga dalam menambah pengetahuan serta pendekatan juga pemantauan dalam sama-sama 'Mengawasi Anak-Anak Kitani'.

Dua orang suri rumah, Dayang Siti Zaliha binti Haji Yaakup dan Dayang Hajah Suriani binti Haji Puasa, keduanya berpendapat program tersebut telah dapat membuka kesedaran tentang mengawasi anak-anak dalam menangani masalah Media Siber.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi program tersebut ialah Penghulu Mukim Seria, Awang Haji Jamail bin Haji Linap.



PENGHULU Mukim Seria, Awang Haji Jamail bin Haji Linap (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Awasi Anak Kitani anjuran Jabatan Penerangan, Cawangan Penerangan Daerah Belait dan Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dengan Kerjasama Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pejabat Peguam Negara serta Biro Pendidikan, Majlis Perundingan Kampung STKRJ Lorong 3 Selatan Seria.

"IBU bapa berperanan penting untuk mengawasi anak masing-masing agar tidak terjerumus dengan perangkap dadah dan isu-isu keselamatan dalam negeri."

Bintudoh Greenspring Resort

Oleh :
Norah Haji Abd. Hamid

Tawarkan aktiviti berlatarkan alam semula jadi

NEGARA Brunei mempunyai potensi yang besar dalam sektor pelancongan terutama dari segi ekopelancongan dan khazanah budaya unik negara. Pelancong-pelancong tempatan dan luar negara kini gemar untuk melancong ke tempat-tempat menarik yang kaya dengan keindahan alam semula jadi dan tidak lagi tertumpu pada membeli-belah di pusat-pusat membeli-belah besar dan mewah sahaja di luar negara.

Justeru itu, untuk sama-sama mendukung visi dan misi Jabatan Kemajuan Pelancongan (2012 - 2020), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ke arah pertumbuhan jumlah pelancongan yang berdaya tahan dan kepelbagaian ekonomi, Awang Newas bin Ukoï tampil ke hadapan menyahut seruan tersebut dengan membuka sebuah resort yang berkonsepkan "Alam Hijau" dikenali sebagai Bintudoh Greenspring Resort (BGSR).

SEJARAH PENUBUHAN

Bintudoh Greenspring Resort (BGSR) terletak di Kampung Bintudoh yang merupakan antara kampung terawal di mukim Lamunin yang pada asalnya didiami oleh puak Kedayan dan puak Dusun. Dengan terbangunnya BGSR itu menghidupkan semula legenda kampung berkenaan.

Pada asalnya BGSR adalah sebuah perkebunan buah-buahan dan sayur-sayuran di kawasan yang berbukit dan beberapa kawasan rendah di Jalan Bintudoh sekitar tahun 1996. Terdapat pelbagai jenis buah-buahan seperti durian kuning, durian putih, durian pulu, rambutan,

tarap, kembayau, tampoi, cempedak, nangka dan pelbagai jenis limau dan pisang di tanam di perkebunan ini. Selain itu, kawasan ini juga diusahakan dengan penanaman pelbagai jenis sayur-sayuran seperti sayur sawi, kacang, terung, lada, nenas dan sebagainya.

BGSR telah dapat memperkenalkan Kampung Lamunin sebagai tempat destinasi taman riadah yang berkonsepkan Eco Tourism dan juga Agro Tourism, di mana para pelawat akan menikmati suasana kampung di dalam ladang buah-buahan. Jalinan yang padu BGSR dengan pihak MPK kampung berkenaan dalam mengungkapkannya apa jua program secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan kepada belia-belia di kampung berkenaan yang melibatkan bidang yang berhubungkait dengan bidang pelancongan seperti pemandu pelancong, *tour guide*, *housekeeping* dan juga bahagian pentadbiran. Menurut Awang Newas pada masa ini beliau mempunyai tujuh orang pekerja untuk mengendalikan resort yang berkeluasan lebih daripada 20 ekar dan lima orang daripadanya adalah merupakan penduduk tempatan, di samping dibantu oleh ahli-ahli keluarga beliau sendiri.

Dengan wujudnya kerjasama padu tersebut juga telah dapat meningkatkan kegiatan ekonomi Kampung Lamunin yang menjalankan perusahaan yang bersekala kecil seperti perusahaan makanan, kraf tangan, buah-buahan



dan sebagainya.

PRASARANA

Dengan menggunakan sumber kewangan beliau sendiri sejak dari penubuhannya hingga kini, BSGR telah dapat menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk keselesaan para pengunjungnya. Balai Alai Gayoh Gunjil boleh manampung kira-kira 250 orang dalam satu masa. Di balai ini, tersedia sebuah dapur dan kafe yang boleh digunakan untuk penyediaan jamuan.

Kepada para pengunjung yang ingin merasai bermalam di BGSR, yang setentunya memberikan pengalaman yang amat berlainan dan menyeronokkan. Setentunya halwa telinga mereka akan dihiburkan dengan dendangan suara lebih daripada 46 spesis burung hutan, ungas rimba dan tidur yang nyaman dalam kedenginan yang alami dan udara segar hutan perkebunan.

BGSR mempunyai Lamunin Dormitory yang mempunyai beberapa buah bilik; Kakapu Room, berkeluasan 16 x 10 kaki boleh

memuatkan 10 - 15 orang. Tanggil Room pula digunakan sebagai tempat solat bagi para pelawat dan pekerja. Kelambang dan Parading Room mempunyai keluasan 20 x 20 kaki dan boleh menampung 15 - 25 orang setiap satu.

BGSR juga mempunyai dua buah *chalet* yang dinamakan sebagai Bang Nukat Chalet dan Bintudoh Chalet, di mana kedua-duanya mempunyai dua buah bilik yang menampung dua orang setiap bilik.

Ke Muka 22



Dari muka 21

STATISTIK KEDATANGAN PELANCONG

Resort ini mulai menjadi tumpuan orang ramai pada bulan Disember 2012 berikutan kunjungan sekumpulan 30 orang belia yang menyertai program Survival Camp anjuran Jabatan Belia dan Sukan. Ia berterusan ke tahun-tahun berikutnya, di mana BGSR telah menerima pelawat-pelawat dari pertubuhan belia seperti Nature Avengers di bawah naungan Green Brunei, agensi-agensi kerajaan dan swasta termasuk kunjungan dari sekolah dari negara Singapura.

Peningkatan keramaian pengunjung meningkat secara drastik dengan adanya pelbagai aktiviti perayaan yang dianjurkan oleh BGSR seperti Pesta Adu Gayoh dan hari keluarga pada bulan Mei 2015 yang telah dilancarkan oleh yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika itu. Program ini juga dikenali sebagai Program 'Balik Kampung'.

DURIANFEST2015 selama empat hari telah berjaya menarik sejumlah dua ribu orang pelawat yang telah berkesempatan menikmati durian tempatan dan dalam masa yang sama berpeluang untuk membeli pelbagai jenis buah-buahan tempatan tropika yang dijual oleh penduduk-penduduk Kampung Lamunin.

Keindahan BGSR telah menarik minat krew dari siri Korea yang terkenal "The law of the jungle" untuk membuat penggambaran di resort tersebut.

Namun pada tahun 2016 hanya mencatatkan sejumlah 679 orang pengunjung disebabkan tidak adanya musim buah durian pada tahun tersebut. Walau bagaimanapun sehingga kini lebih 50 buah program telah dianjurkan oleh pihak BGSR untuk menarik minat beriadah di resort berkenaan.

AKTIVITI BERLATARKAN ALAM SEMULA JADI

Bintudoh Greenspring Resort (BGSR) seperti pusat peranginan tempatan dan serantau yang lain mempunyai identiti unik dan tersendiri dengan ciri-ciri yang menarik hati para pelancong. Bertemakan persekitaran hutan hujan tropika dan alam semula jadi serta menghidangkan keindahan flora dan fauna integrasi kedua-dua persekitaran berkenaan berjaya menghasilkan



pemandangan indah tersendiri yang secara tidak langsung mendidik manusia kepada perlindungan hidupan liar dan melestarikan alam semula jadi.

Menurut Awang Newas di BGSR mempunyai lebih 46 spesis burung, tupai kecil (*Pigmy Squirrel*), pelbagai jenis monyet, lebih daripada 17 spesis Dragon Flies, Lantern Bug yang perlu diselamatkan dari pupus.

Topografi semula jadi dan landskap juga menyediakan persekitaran semula jadi untuk aktiviti alam semula jadi dan pengembaraan seperti meredah hutan dan berjalan malam. Antara program yang dilaksanakan menurut Awang Susis selaku pengurus dan jurulatih BGSR adalah berkonsepkan untuk menghargai biodiversiti dan *eco-system* perhutanan seperti penanaman pokok-pokok gaharu dan mengenali pokok-pokok buah-buahan, team building, Night Safari, pertukaran budaya

dan kraf tangan, Motivational Talk, Jungle Trekking, Amazing Race dan sebagainya.

Ujar beliau lagi, kebun buah-buahan dan sayur-sayuran juga antara tarikan di resort ini, di mana pelancong boleh menikmati pelbagai buah-buahan tempatan. Dengan permintaan khas, pengunjung juga berpeluang untuk merasai pengalaman menanam buah-buahan tempatan seperti durian, sayur-sayuran dan lainnya di resort tersebut. Bintudoh Greenspring paling sesuai untuk pelajar melakukan FieldWorks.

Kebudayaan Puak Dusun adalah salah satu warisan budaya yang unik berdasarkan kepercayaan mereka seperti upacara 'Tamarok' yang biasa dilakukan selepas menuai padi. Muzik dan tarian yang dilakukan semasa lawatan orang kenamaan dan juga terdapat juga muzik perang dan tarian. Ini menunjukkan bahawa kebudayaan Dusun adalah penjelmaan komuniti Dusun. Oleh itu, persembahan kebudayaan Puak Dusun boleh menjadi teras

tarikan budaya resort dan ia pasti mewujudkan satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada para pelancong.

Pakej-pakej yang telah disediakan oleh BGSR antaranya Pakej Pelajar (BND5.00 seorang); Pakej Team Building Development Program for Corporate and Youth (Program Sehari - BND20 seorang); Pakej Publik / Keluarga - (BND5.00 seorang); Pakej Penginapan Semalam (BND35) dan Pakej Rush Hour (BND40.00).

BGSR kini sedang merancang untuk melaksanakan pakej mereka yang seterusnya yang dinamakan sebagai 'Summer Camp Retreat'. Pakej ini adalah campuran alam semula jadi, budaya dan aktiviti pengembaraan yang sesuai sama ada untuk korporat dan kanak-kanak sekolah.

KESIMPULAN

BGSR bukan hanya menawarkan lokasi riadah tetapi juga perkhidmatan pelbagai kursus untuk membentuk jati diri individu, membina kecerdasan minda, fizikal dan mental yang

di bawah bimbingan jurulatih yang berkemahiran dengan mengutamakan keselamatan para pengunjung.

Pihak Bintudoh Greenspring juga mengharapkan supaya perkhidmatan yang telah ditawarkan akan mendatangkan manfaat kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam dan memberikan pengalaman yang terbaik kepada mereka dalam menjadikan alam semula jadi sebagai salah satu terapi minda dalam mencari ketenangan dan keamanan dari tekanan kehidupan seharian yang pasti akan bernilai setiap masa sepanjang berada di Bintudoh Greenspring Resort.

"Kerjasama yang padu daripada pengendali-pengendali pelancongan di Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama mempromosikan tempat-tempat pelancongan sebegini adalah sangat diharapkan," ujar Awang Newas mengakhiri temu bual.

"Feel The Nature That We Conserved for you. Saving Green, Saves You Green."





سروراه سوري

كلوارك قبايغ نكارا كميلغ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْنَا وَهُدًى مِنَ اللَّهِ لَإِذَا هِيَ إِلَّا لَآ إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَالْشَّهَادَةُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى هَذَا الرَّسُولِ الْعَظِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ:
تَعَاوُزُ الْمُسْلِمِينَ وَجَمْعُهُمُ اللَّهُ،
أَوْصِيكُمْ وَإِنِّي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُوا إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾
سَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ
{ سورة آل عمران آية : ١٠٢ }

مسلمين بغ درجتي الله
ماريله كيت ميغكيتكن كفتوان كيت كفتد الله سبحانه وتعالى دغن
قوه كقيمن دان كاخلاص دغن ملاكوكن شكل سوروهين دان ميغكيتكن
شكل لاراغن. مدهمدهن كيت متحادي انسان بغ برلمان دان برتقوي
سرت سلامت دنيا دان سلامت دآخرة.

مسلمين بغ درجتي الله
إسلام اكلام كيت اداله اكلام بغ ميغكيتكن هويغن كاسيه سايع.
كاسيه سايع اداله قطره سولا حادي بغ لله سبحانه وتعالى حاديكن دام
نلوري سيف. انسان. صفة كاسيه سايع امة قسيع دام قسيان سواه
كلوارك بغ بهيكا دان هرموني. كاتوتوهن دان كفتوان هويغن سواه
كلوارك بركتوئ كفتد ايكان كاسيه سايع دانارا ايوباف، اتق ٢ دان اهل
كلوارك بغ لادن. اوله ليت، ايناله كاسيه سايع مسام كلوارك سقاي
كهرمولين اكن لرحمتهن سقنغ ماس. سيدا رسول الله صلى الله عليه
وسلم.

عن جابر بن عبد الله قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:
مَنْ لَا يَرْحَمِ النَّاسَ لَا يَرْحَمَهُ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ.
{ رَوَاهُ الْإِمَامُ مُسْلِم }

مقصود:
دردد جابر بن عبدالله كاتن: برسيدا رسول الله صلى الله عليه وسلم:
برخسيف تديق مبايغي مائسي، الله عزوجل تديق اكن مبايغن.

سيفكوهن سواه ليشترسي كلوارك شيله دتوق بركدنكن
أحارن القربان دان السة دان ميبا ائسي فاسر تقوي كفتد الله سبحانه
وتعالى. ايوباف برتقوئقوياب ميغكيت عقيده و كترجيان و دان اخلاق
اهل كلوارك تديق برحقكه دغن احارن اسلام. اوله ليت، ايوباف همدقه
موري يسيغن دان صيحه ولدنكن احارن اسلام سرت قرحان كفتد
اتق ٢ سقن دري كصيل لايكي سقاي عقيده مريك اكن كفن تكوه دان
تول. قرمان الله سبحانه وتعالى دام سورة لقمان آية ١٣:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَإِذْ قَالَ لَعَمْرَنِي لَأَتَذِيبَنَّ هَذِهِ بَنِيَّ لَا تُفْرِكُ بِاللَّهِ
إِنِّي أَخَافُكَ لَقَلْبُ عَظِيمٌ ﴿٣٦﴾
سَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:
دان ليله كيتك لقمان بركات كفتد اتقوي، ماس دي مجري قلمحران
كفتد: "وامي انكوه، حاديله انكوه محرمكونكن الله دغن مسوات بغ
لاين، سيفكوهن قربوان شريك ليت اداله ساتو كطالين بغ سر".

مسلمين بغ درجتي الله
توكس دان تفكوهن سواه دام ميبيغ كلوارك بوكته اتق مهادي
دوا سهاج، ميكن اي قروي برتقوسن سيفك كاخير ساه. اوله ليت،

مسلمين بغ درجتي الله
ماريله كيت ميغكيتكن كفتوان كيت كفتد الله سبحانه وتعالى دغن
قوه كقيمن دان كاخلاص دغن ملاكوكن شكل سوروهين دان ميغكيتكن
شكل لاراغن. مدهمدهن كيت متحادي انسان بغ برلمان دان برتقوي
سرت سلامت دنيا دان سلامت دآخرة.

مسلمين بغ درجتي الله
إسلام اكلام كيت اداله اكلام بغ ميغكيتكن هويغن كاسيه سايع.
كاسيه سايع اداله قطره سولا حادي بغ لله سبحانه وتعالى حاديكن دام
نلوري سيف. انسان. صفة كاسيه سايع امة قسيع دام قسيان سواه
كلوارك بغ بهيكا دان هرموني. كاتوتوهن دان كفتوان هويغن سواه
كلوارك بركتوئ كفتد ايكان كاسيه سايع دانارا ايوباف، اتق ٢ دان اهل
كلوارك بغ لادن. اوله ليت، ايناله كاسيه سايع مسام كلوارك سقاي
كهرمولين اكن لرحمتهن سقنغ ماس. سيدا رسول الله صلى الله عليه
وسلم.

عن جابر بن عبد الله قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:
مَنْ لَا يَرْحَمِ النَّاسَ لَا يَرْحَمَهُ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ.
{ رَوَاهُ الْإِمَامُ مُسْلِم }

مقصود:
دردد جابر بن عبدالله كاتن: برسيدا رسول الله صلى الله عليه وسلم:
برخسيف تديق مبايغي مائسي، الله عزوجل تديق اكن مبايغن.

كيتك: كوا كلوارك همدقه ميري ليكان ترخادف اتون شرعة خصوص
دري سوروت عياله سقرت ميغكيت اهل كلوارك استقامه مندريكن
صبيغ فرعي ليم وقت، قواس ديون رمضان، مغلاركن زكاة دان مبايغن.

كافه: سيسي مبايغي اهل كلوارك دان محاديكن دري ساكي "رول
مولا" دغن اخلاق بغ ترخوي دغن منلوفكن حنيوه تلاك بغ باييك
دسقيغ محرقوي راس كاسيه سايع دان حرمة مفرماتي مسام اهل كلوارك.

مسلمين بغ درجتي الله
توكس دان تفكوهن سواه فاشغن سوامي اسوي مبايغن قران قسيع
دام ملاهركن كلوارك بغ هرموني دان قبايغ سوامي برقران ساكي
قيسقيده ليدوغ دان محادي لقة بركتوئ كفتد اسوي دان اتق ٢.
سوامي همدقه ميغكيت دان ميغكيت توجوق اجر اسوي دان اتق ٢ اكر
متحادي عسا بغ برلمان كفتد الله سبحانه وتعالى. اسوي قول
برتقوئقوياب سطاغن سوامي، مسامك رومهنفكا دغن ميسو دان
يكر مسام دام لوسها مقوودكن رومهنفكا بغ بهيكا دان هرموني. دام
رومهنفكا، قرو اد سيفك سايع ستر ميسو دان برتولي اتسور هاشارا
سوامي اسوي سوامي دكاشغن منلوغ دان ميسو اسوي ساكي ميغكيت
توكس اسوي، رسول الله صلى الله عليه وسلم اداله حنيوه ترانيك سقورغ
سوامي بغ برتقوئقوياب كران بكدا سندردي منلوغ دان ميسو اسوي
ساكي ميغكيت توكس اسوي دروم. ساكيتك دام ساتو حديث روايه
الإمام البخاري: فوالله سيدنا عائشة رضي الله عنها: سيفكوهن اكو قرله

دنان مغري الا بغ دقروات اوله لي صلى الله عليه وسلم درومه، عائشه
رضي الله عنها منحوب: لي صلى الله عليه وسلم ميغو اسوين محبات
كرج ٢ رومه. ملك اقبل ماسوق وقت صبيغ بكدا قون كلوار صبيغ
كيسج.

سلاين ليت، اتق ٢ سوك مغريوي قران دان تفكوهن سواه ماسيغ ٢
سيفك اتق دوايكن طاعة، مفرماتي دان هولايكن ايوباف. دسقيغ
ليت، اتق ٢ سوك واجب مفرماتي شكل قريده دان صيحه مريك دان اقبل
بريچاره اتق ٢ همدقه ميغكيتكن كيت ٢ بغ عا بلوت سرت برافاه،
تديق ميغكيت قرمان دان مبايغي هاشا كندا ايوباف، توجوهنكته راس
ترما كاسيه ترخادف جاس كندا اورغ تو، بغ تله مدهمدين دان ميغكيت
كيت. قرو دالغت، اتق ٢ همدقه سطاغن عقيمنل قديوني دان برنان خير
كندا ايوباف ولوقون اتق ٢ ترسوت سوده بر كلوارك دان ميغكيت درومه
بغ براسيغن دغن مريك، اتق ٢ سوك قرو مقسبل برت دان برتقوئقوياب
مديوني ايوباف ليه ٢ لايكي قد ايوباف بغ حوده لحتوت لوسيا دان
عروكن فسكان، الله مدهمدي كونيجتن كفتد اتق ٢ اكر ميغكيتكن ماس
اتق مفرماتي كفلوان ايوباف دري ساكي ماس ميسو، ليكان، قروماتي،
لغت تيغنك دان كاسيه سايع ساكيتان مريك مريك كفتد اتق ٢ سوقت
كصيل دهولو، سيفكوهن جاس دان قروماتي كندا ايوباف تديق مقو
دالين اوله اتق ٢ قرو دغن هرت دان واغ ريفكيت بغ بايق سكالقون.
اوله ليت جاشقه كيت لايكي، دان ليكا دغن كهيديوني دان توكس ٢
سهارين سيفك كيت لوقا اكن تفكوهن سواه كيت ساكي سقورغ اتق ٢
ساكي اتق بغ صاغ مك كيت همدقه سلاو مدهمدي كندا ايوباف
ساكيتان قرمان الله سبحانه وتعالى دام سورة الاسراء آية ٢٤:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَحْضِيضُ لَهَا خِتَانُ الْأَلْبَنِ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا
كَمَا رَحِمْتَ بَيْنَ بَنِي سَبْعَةٍ ﴿٣٦﴾ سَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:
دان همدقه اشكو مرتبه دري دغن قوه كاسيه سايع دان بردهامه
اتق كندا: يا توهر! كرتياكته رحمة كفتد مريك برودا ساكيتان مريك
تله ملبهارا دان مندريكو ماس كصيل لايكي.

مسلمين بغ درجتي الله
سيفكوهن صفة كاسيه سايع امة قسيع خصوص دام قسيان سواه
كلوارك بهيكا قبايغ دان نكارا بغ كصيل، تفكته ساحت اتق مبايغي
دان مغريوي كلوارك دغن مغريكن هويغن كفتوئ اكن اسلكن تديق
برحقكه دغن احارن اسلام. دغن وجود كلوارك بغ هرموني دان سايع
مبايغي، ملك اكن بهيكا كهيديوني دام سسوده رومهنفكا دان مشاركة
سام ٢ كيت بردهام سوك كلوارك كيت اكن تروسي مدهمدي هاشا دان
رحمة دردد الله سبحانه وتعالى دان دوايكن دردد شكان دان ميسو، آمين
يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
... وَيَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا وَآلِهِمْ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْأَنْبِيَاءِ وَالْأَنْبِيَاءِ
الْقُرْآنِ وَالْأَنْبِيَاءِ وَالْأَنْبِيَاءِ وَالْأَنْبِيَاءِ وَالْأَنْبِيَاءِ وَالْأَنْبِيَاءِ
الْمُسْلِمِينَ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخَذَّلاً فَخُوراً ﴿٣٦﴾
سَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ
{ سورة النساء آية : ٣٦ }

تفسير:
دان بروات بايكله كفتد كندا ايوباف، قوم قرايه، اتق ٢ ميسو،
اورغ ٢ مسكين، جوان تفكا بغ دكت، جوان تفكا بغ حلو، دان
سحلو، اورغ ٢ مسافر بغ ترلو دام قرمانن (بغ ترقوتوس قرمانن)
دان سوك عسا بغ كامو مبايغي، سيفكوهن الله تديق ميغكيت اورغ ٢ بغ
سوميرغ دان ميغكيتا ساكي دري.

بازك الله لنا في القرآن العظيم، ونفقا بالآيات والذكر الحكيم. ونفقل منا
بلاوة لله لوالسبح العلي، واشتغل الله العظيم لي ولكم ولستار المسلمين
والنبيات والنبيين والنبيات والنبيات فاستغفروا فيا فيز الشفيعين وبالحجة
البايغ.

NFABD cari pemain bawah 22 tahun 8 - 9 Mei

Siaran Akhbar :
Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara
Brunei Darussalam (NFABD).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Mei. - Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) akan mengadakan pemilihan terbuka untuk pemain Bawah-22 pada Isnin, 8 Mei dan Selasa, 9 Mei 2017.

Menurut Siaran Akhbar NFABD, pemilihan di Padang Astro Turf NFABD akan dibuka kepada mereka yang lahir pada 1 Januari 1995 dan seterusnya. Pemilihan akan bermula pada jam 7.45 malam.

Pemain yang menarik perhatian akan dipertimbangkan bagi skuad pasukan kebangsaan untuk masa hadapan.

Projek Ikan Pusu benam Besa FC 6 - 1



PASUKAN Projek Ikan Pusu berjaya menewaskan Besa FC dengan jaringan 6 - 1 dalam Kejohanan Piala Elit Belia Bawah 16 anjuran Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) pada hari Ahad, 7 Mei 2017, bertempat di Kompleks Sukan Sungai Kebun, Padang 'B'. - Foto : Ihsan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD).

Sukan Ria Keluarga HMP eratkan silaturahmi



PERHIMPUNAN keluarga Allahyarham Haji Mokti bin Pata (HMP), Kampung Burung Pingai Air diadakan buat kali ketiga di Peranginan Pantai Muara dengan mengadakan Sukan Ria.



MUARA, Ahad, 7 Mei. - Sukan Ria Keluarga Allahyarham Haji Mokti bin Pata (HMP), Kampung Burung Pingai Air diadakan buat kali ketiga di Peranginan Pantai Muara, di sini.

Kesemua anak kepada Allahyarham HMP dengan Hajah Bungsu binti Gapor turut hadir bersama semua keluarga masing-masing.

Menurut Pengerusi Keluarga HMP, Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi bin Haji Mokti, tahun ini adalah tahun terakhir buat beliau menjawat jawatan selaku pengerusi keluarga ini.

Pelantikan beliau adalah dari pencalonan yang dicalonkan oleh kaum keluarga, ipar-duai dan sepupu-sepupu yang hadir semasa

majlis muzakarah yang telah diadakan pada tahun 2014.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin dan dibacakan oleh Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi diikuti dengan acara memotong kek sebelum sesi bergambar ramai dan penyerahan cenderahati kepada semua anak-anak Allahyarham HMP yang didahului oleh anak yang sulung, iaitu Haji Bolhan, anak kedua Haji Marsidi, anak ketiga Hajah Masniah dan anak

keempat Hajah Masni.

Pada tahun ini hanya diadakan satu pertandingan sahaja dari setiap keluarga, iaitu pertandingan XoXo, Guli dipegang dengan chopstick, walk out challenge dan mengutip gula-gula dalam tepung.

Keluarga Hajah Masni binti Haji Mokti pada tahun ini dinobatkan selaku juara yang menerima Piala Pusingan Pengerusi buat kali keduanya setelah menjadi juara pada tahun 2015.

Berita dan Foto :
Ihsan Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

HARGAI, HORMATI IBU BAPA KITA, SAYANGI, KASIHI KELUARGA KITA

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.